

# KUALA LUMPUR

*dari Perspektif*  
*Haji Abdullah Hukum*



Haji Abdullah Hukum Bin Abdul Rahim (1835–1943).

*Adnan Haji Nawang*

# KUALA LUMPUR

*Wit & Perspektif*  
**Haji Abdullah Hukum**



**BERITA PUBLISHING SDN. BHD.**

KUALA LUMPUR  
1997

018710

BERITA PUBLISHING SDN. BHD. (15654-K)  
Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.  
Tel: 03-2824322 Faks: 03-2821605

Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia  
No. Keahlian: 8105

© Berita Publishing Sdn. Bhd. 1997  
Pertama kali diterbitkan 1997

Semua hak terpelihara.

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,  
disimpan dalam bentuk yang boleh dipergunakan semula atau dipindahkan,  
sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman  
atau sebagainya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada  
Berita Publishing Sdn. Bhd.

ISBN 967-969-460-7

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Adnan Nawang

Kuala Lumpur dari perspektif Haji Abdullah Hukum / Adnan Nawang.  
Mengandungi indeks  
ISBN 967-969-460-7

1. Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan)—History—1850- .
2. Abdullah Hukum bin Abdul Rahim, Haji. 1835-1943. I. Judul.

Diatur huruf oleh Berita Publishing Sdn. Bhd.

Rupa taip teks: Goudy  
Saiz taip teks: 12/15 poin

Dicetak oleh:

Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd. (279409-U)

2, Jalan Nilam 1/6,

Sungai Hi-Tech Industrial Park, Batu Tiga,

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

16 JAN 1998

M

917840

9575116

Perpustakaan Negara  
Malaysia


# Kandungan


Satu Catatan Pengalaman

Haji Abdullah Hukum

vii

1	Riwayat Kuala Lumpur 24 Tahun Sebelum Pernaungan British	1
2	Riwayat Kuala Lumpur pada Penghujung Perintah Melayu	9
3	Perempuan Melayu Sudah pun jadi Pahlawan	19
4	Mula-mula Dibuka dengan Aman	27
5	Melantik Orang Besar	33
6	Riwayat Haji Abdullah Hukum	38
7	Riwayat Kuala Lumpur dan Tuan Haji Abdullah Hukum	43
	<i>Nota Hujung</i>	51
	<i>Indeks</i>	53
	<i>Lampiran</i>	55





# Satu Catatan

## Pengalaman Haji Abdullah Hukum

DALAM buku ini suatu pengalaman hidup yang dilalui oleh Haji Abdullah Hukum Bin Abdul Rahim (1835–1943) akan diperkenalkan kepada pembaca, khususnya peminat sejarah tanah air. Pengalaman tersebut dirakamkan melalui temu bual dengan beliau oleh pengarang *Warta Ahad*<sup>1</sup> dan disiarkan secara bersiri di dalam tujuh keluarannya.<sup>2</sup> Walaupun catatan pengalaman beliau itu merupakan satu cebisan sahaja daripada keseluruhan pengalaman hidupnya, namun perkara-perkara yang dirasakannya penting dan menarik untuk diketahui oleh pembaca akhbar ketika itu telah juga disentuh. Catatan ini sedikit sebanyak dapat membantu kita memahami aspek-aspek tertentu sejarah Kuala Lumpur.

Satu perkara yang perlu dijelaskan di sini ialah bahawa tulisan itu hanyalah satu catatan seorang wartawan. Beliau hanya mencatatkan kandungan temu bual itu tanpa memberi penjelasan lebih lanjut mengenai peristiwa atau nama-nama pembesar dan orang perseorangan yang disebut di dalamnya. Semasa tulisan ini diterbitkan di dalam akhbar pada tahun 1935, ada di kalangan pembaca akhbar pada ketika itu mungkin dapat mengenali atau

mengetahui individu-individu yang disebutkan, tetapi tidak pada generasi sekarang ini. Namun begitu, ia masih tidak menjelaskan nilai tulisan tersebut sebagai satu dokumen sejarah yang penting; malah pengarang akhbar tersebut patut dipuji atas usahanya merakam serta menghasilkannya. Apa yang masih diperlukan ialah satu kajian yang lebih mendalam supaya segala kisah yang tercatat di dalamnya dapat diletakkan dalam perspektif sejarah yang lebih jelas.

Haji Abdullah Hukum berketurunan Kerinchi telah berhijrah dari Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu bersama bapanya pada tahun 1850. Ketika itu beliau berusia 15 tahun. Sejak itu hingga ke akhir hayat beliau menetap di Selangor dan Kuala Lumpur. Beliau boleh dikatakan turut terlibat secara langsung dalam pembangunan Kuala Lumpur. Umpamanya, beliau merupakan ketua yang membuka kawasan Pudu-Bukit Bintang dan membuka kebun di Bukit Nenas selain kawasan Sungai Putih. Pada hari ini Sungai Putih dikenali sebagai Jalan Bangsar. Di sekitar kawasan Sungai Putih terdapat sebuah kampung Melayu yang dinamakan sempena nama beliau, iaitu Kampung Abdullah Hukum.

Haji Abdullah Hukum adalah salah seorang juak-juak kepada Raja Mahmud Bin Sultan Muhammad. Raja Mahmud adalah waris negeri Selangor yang pernah menjadi Ahli Majlis Selangor. Raja Mahmud dikenali pada zamannya sebagai Tengku Panglima Raja Selangor dan merupakan seorang panglima Melayu terulung di Semenanjung.<sup>3</sup>

Dilihat sepantas lalu, pengalaman yang dilalui oleh Haji Abdullah Hukum sepanjang hayatnya di Selangor dan di Kuala Lumpur selama lebih 90 tahun, ternyata bahawa beliau telah melalui liku-liku hidup perantauan yang menarik. Beliau telah merasai lebih dua dekad hidup di zaman "keris dan pemuras" di bawah pemerintahan raja-raja Melayu dan lebih tujuh dekad berikutnya di bawah pemerintahan British.

Satu kesan nyata daripada pengalaman hidup ini ialah Haji Abdullah Hukum dapat melihat perubahan yang berlaku ke atas masyarakat Melayu dengan jelas, khususnya yang berada di Kuala Lumpur akibat daripada penjajahan British. Sewaktu zaman "keris

dan pemurias” Sultan Selangor (Sultan Abdul Samad 1857–1898) serta pembesar dan penghulunya berkuasa penuh di negeri itu. Walau bagaimanapun, setelah Kuala Lumpur menjadi ‘maju’, bukan sahaja pembesar serta penghulunya kehilangan fungsi dan peranan, malah nama mereka juga tidak begitu diketahui lagi oleh generasi hari ini berbanding dengan Yap Ah Loy (1837–1885) yang hanya merupakan seorang imigran dan Kapitan Cina, bukannya pembesar negeri Selangor.

Dalam rentetan ini, kisah Haji Abdullah Hukum mengenai Kuala Lumpur sepanjang 50 tahun dahulu, iaitu merujuk kepada zaman selepas 1850-an amat menarik untuk diberi perhatian. Pertamanya, beliau telah cuba menerangkan secara tidak langsung di dalam ceritanya ini bahawa di Kuala Lumpur sebelum kedatangan British (malah sebelum munculnya Yap Ah Loy) telah pun berdiri kukuh satu struktur pentadbiran tradisional di setiap kawasan seperti Hulu Kelang, Gombak dan Cheras di bawah pembesarnya sendiri. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam segala urusan yang berlaku di daerah kuasa masing-masing.

Keduanya, penduduk Melayu Kuala Lumpur yang sememangnya tidaklah ramai, dari semasa ke semasa menjadi semakin tersisih akibat daripada kemasukan kaum imigran, terutamanya orang Cina. Kuala Lumpur pada awal tahun 1930-an sudah jauh berbeza dengan Kuala Lumpur pada tahun 1850-an, iaitu zaman awal kedatangan Haji Abdullah Hukum. Apa yang dilihat oleh beliau, terutamanya mengenai penglibatan orang Melayu dalam bidang perniagaan kecil atau perniagaan di pasar-pasar di sekitar Kuala Lumpur atau di Selangor amnya, amat jauh berbeza daripada apa yang berlaku di negeri asalnya Sumatera. Ini dapat dilihat dan dibuat perbandingan oleh beliau apabila singgah di sebuah pekan tidak jauh dari kampungnya semasa dalam perjalanan melawat kampungnya sendiri pada tahun 1930-an. Haji Abdullah Hukum berasa amat hairan melihat betapa segala jenis atau corak perniagaan yang terdapat di situ diusahakan oleh orang Melayu sedangkan di Kuala Lumpur keadaannya amat berbeza. Dari luahan perasaan yang agak berlebihan itu, beliau berkata, “Pendeknya pada pendapat saya

pekan itu bukan sahaja ahli penjual dan pembeli di situ semuanya Melayu tetapi ialah juga warna dan baunya semua Melayu". Begitulah perspektif seorang yang pernah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan Kuala Lumpur di penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Dokumen yang terlampir membuktikan hakikat ini.

Teks asalnya dalam tulisan Jawi dilampirkan, tetapi untuk kemudahan para pembaca, transkripsi ke Rumi telah dilakukan.

Adnan Haji Nawang  
Kuala Lumpur  
November 1996



# Riwayat Kuala Lumpur

## 24 Tahun Sebelum Pernaungan British

(Di dalam Ingatan Seorang Penduduk yang Tua Sekali)<sup>4</sup>

PERINGATAN—lebih dahulu hendaklah kita mengaku bahawa riwayat Kuala Lumpur yang akan kita hidangkan di bawah ini bukanlah memang telah tertulis tetapi kita turunkan ia daripada ingatan seorang yang boleh dihitung sebagai seorang yang tertua sekali di antara beberapa banyak penjajah yang menyelenggara ke tanah Semenanjung ini pada zaman dahulu dari gugusan pulau-pulau Melayu. Oleh sebab itu, hendaklah kita mengaku jua bahawa riwayat itu bukanlah pada tarikh yang tersusun melainkan suatu ingatan yang kita fikirkan boleh mendatangkan seronok kepada pembaca-pembaca kitab *al-muhtaramin* (yang dihormati) terutama sekali oleh kerana riwayat ini berkait dengan cerita-cerita perang Melayu zaman “keris dan pemuras”.

Beliau berasal dari kariah Sungai Abu jajahan Sungai Penoh negeri Kerinch (Sumatera). Namanya yang asal ialah nama yang diberi kepadanya oleh nenek mainaknya ketika mengerat pusatnya menurut adat Melayu ialah Muhammad Rukun dan kemudian digelar menurut adat jua sebagai Arya Jaya. Beliau dapat menunaikan fardu hajinya ke Baitullah Al-Haram dari Selangor

dengan sebuah kapal api yang mula-mula sekali belayar ke Jeddah menggantikan kapal-kapal layar zaman itu. Beliau bergelar pula di Padang Arafah sebagai Haji Abdullah Hukum, iaitu namanya yang termasyhur sekarang ini. Sedang ayahandanya bernama Sekancing ertinya "kunci pintu" bergelar Tuk Pangku dan kemudiannya mendapat gelaran Haji Abdul Rahim di Padang Arafah.

Beliau tidak dapat menerangkan tarikh beranaknya tetapi cukup ingat kepada masa berdagangnya ke Tanah Melayu ini pada tahun 1850 pada masa berumur kira-kira 15 tahun dan semenjak itu hingga sampai masa sekarang beliau kekal diam di sini.

Menurut keterangan itu bahawa Tuan Haji Abdullah Hukum itu pada masa dia telah berumur 100 tahun dan telah tinggal di Selangor selama 85 tahun di antaranya 24 tahun di bawah perintah Melayu (1850–1874) dan 61 tahun di bawah pemerintahan Inggeris (1874–1935).

Sungguhpun sekarang beliau berumur 100 tahun dan telah digusar oleh tuzur tuanya masih tegap jika dibanding dengan orang yang termuda dua-tiga puluh tahun daripadanya. Beliau masih terus-menerus boleh sembahyang Jumaat ke masjid atau menghadiri kenduri-kenduri yang besar ataupun majlis-majlis syarahan berkenaan dengan agama. Waima ingatannya *masya-Allah* beliau cukup mempunyai ingatan yang sihat sehingga beliau boleh ingat nama-nama dan bangsa sahabat dan rakananya yang telah berkubur 60 atau 70 tahun dahulu istimewa lagi sesuatu kejadian yang patut dikenang pada tempat-tempat yang patut diingati. Barangkali tidak mencapai kepadanya pepatah Arab "perkara hafaz itu pada sisi orang yang buta".

Satu daripada perkara-perkara yang sangat-sangat disukai oleh beliau ialah berkisah. Jika ditanya beliau akan kelihatan sangat-sangat bergirang menceritakan riwayat hidupnya yang telah lalu yang mengandungi berbagai-bagai sengsara dan kecemasan yang menyeramkan tengok yang telah ditempuhnya.

Pada masa ini barangkali tidak akan didapati seorang tua yang boleh menceritakan riwayat Kuala Lumpur lebih dari beliau. Dalam suatu perjumpaan khas baru-baru ini Tuan Haji Abdullah Hukum telah berkisah kepada wakil *Warta Ahad* seperti berikut:

Pada masa saya berumur kira-kira 15 tahun saya dibawa berdagang oleh ayahanda saya meninggalkan negeri. Kami keluar dari tanah Sumatera melalui Pekan Baharu (Siak) dengan sebuah sekoci belayar menuju tanah Semenanjung dan menempat ke Melaka pada tahun 1850. Apabila sampai ke Melaka maka kami pun menumpang di rumah Datuk Dagang bernama Haji Said, iaitu bapa saudara bagi Almarhum Tambi Abdullah yang terkenal kaya di Kuala Lumpur dan bergelar "Datuk Abdullah". Adapun ketuaan orang Melaka masa itu ialah Wan Cilik namanya tinggal di Semabuk Batu Tiga. Negeri Melaka masa itu memang telah takluk di bawah perintah Inggeris. Pekannya kecil sahaja. Ada sedikit-sedikit rumah batu, itu pun rendah-rendah dan separuh rumah-rumah itu betul di tepi pantai Melaka. Perniagaan masa itu banyak di tangan orang Melayu; berkedai kain dan menjual makanan. Ada juga Cina berkedai menjual sayur. Beras masa itu datang dari luar negeri. Keadaannya merah tetapi beras keluaran negeri putih dan baik. Ada juga sedikit-sedikit orang Kerinchi mencari rezeki di situ.

Setelah berhenti tiga hari lamanya di Melaka itu, maka kami pun belayar pula dengan sebuah nadil menuju Pengkalan Kempas. Nadil yang kami tumpang itu memunggah kain dan barang-barang lain di Pengkalan Kempas. Kami pun naik ke darat. Saya mengambil upah menggalas kain dari Pengkalan Kempas ke Sungai Ujong. Upahnya sekali lima sen sahaja dari seorang saudagar kaya orang Kerinchi bernama Haji Abdul Rahman. Dengan jalan itulah kami sampai di Sungai Ujong.

Berhentilah saya di Sungai Ujong selama lapan hari dengan maksud hendak mencari pekerjaan tetapi tak dapat. Masa itu Sungai Ujong belum masuk di bawah perintah Inggeris dan pemerintahnya ialah Almarhum Datuk Kelana Sendeng namanya. Cina telah ada membuka lombong di situ dan sebab tiada pekerjaan maka kami pun beredar menuju Kuala Lumpur kerana kata-kata orang banyak pekerjaan di Kuala Lumpur boleh bertanam sayur dan boleh melampau.

Ketika itu ada pula kumpulan orang Inggeris menggalas kain hendak berangkat ke Kuala Lumpur, maka kami tumpanglah kumpulan itu. Berjalan ikut berjalan dan berhenti ikut berhenti

pula. Adapun jauhnya perjalanan itu ialah tiga hari tiga malam. Saya mula-mula melihat kejadian yang dahsyat apabila sampai ke Kajang, iaitu melihat perlawan senjata yang dinamakan bertikam. Seorang sampai mati ditikam oleh orang ramai dan darahnya mengalir sebabnya ialah kerana perempuan. Akhirnya, kami pun sampailah di Kuala Lumpur lalu menumpang di rumah Haji Abdul Ghani orang Air Bangis berkedai (Java Street sekarang).

## Pemandangan di Kuala Lumpur

Kuala Lumpur pada masa itu sibuk cara zaman dahulu. Ada dua lorong sahaja, iaitu Java Street dan Market Street sekarang manakala Ampang Street (Lorong Ceti) yang ramai sekarang ini masih kolam ikan dipunyai oleh Almahrum Sutan Puasa.

Rumah-rumah kedai masa itu atap bertam dinding pelupuh (buluh) dan orang yang bermiaga di situ seperti menjual kain-kain dan makanan semuanya orang Melayu, iaitu bangsa Rawa dan Mendahiling dan ketuaan masa itu ialah Sutan Puasa dan Raja Bilah. Kedua-dua ketua ini mengutip hasil dagangan yang lalu lintas melalui Sungai Kelang atau Sungai Gombak. Adapun cukai timah ialah seringgit sebahara (tiga pikul).

Adapun Setapak sekarang di hulu Sungai Tapak namanya dan Hulu Gombak sekarang Air Panas namanya. Maka Sutan Puasalah yang membuka sawah pada kedua-dua tempat ini. Tuan Haji Abdullah Hukum berkata lagi—saya ingat mengambil bahagian mengambil upah membuat tali air di Serambut (Batu Lima Setapak sekarang) dan juga di tempat-tempat lain diupah oleh Sutan Puasa.

Sawah yang dibuka Sutan Puasa itu mudah sahaja. Apabila tali air sudah siap maka orang ramai barang siapa sahaja boleh membuat sawah tetapi syaratnya hendaklah membayar cabut 10 gantang padi pada tiap-tiap seratus gantang (10 peratus) kepada Sutan Puasa apabila habis musim menuai. Kiraan membayar cabut itu tidak begitu keras hanya mengikut pengakuan masing-masing orang yang



Pandangan Kuala Lumpur pada awal tahun 1880-an.

Ehsan daripada Arkib Negara.



Jambatan Gombak pada tahun 1884.

Ehsan daripada Arkib Negara.

bersawah sahaja. Pendeknya berapa yang dihantarkan orang kepadanya itulah diterimanya.

Lepas daripada mengambil upah membuat tali air itu saya melampan di Setapak berkekalan kira-kira tiga tahun lamanya. Masa itu tiada apa-apa huru-hara dalam Kuala Lumpur. Semua orang Melayu tinggal dalam aman dan tetuaan semuanya orang Mendahiling.

## Perang Cheras

Pergaduhan yang mula-mula saya ingat ialah di Cheras, Cheras pada masa itu di bawah perintah Datuk Bandar Patok namanya. Datuk Dagang Ronggok namanya orang Batu Sara datang dari sebelah Kelang dengan segala hulubalangnya melanggar Cheras. Perang pun pecah maka kedua-dua pihaknya pun mengadu senjata seperti keris dan sundang ada setengah hari lamanya. Banyak kedua-dua pihaknya luka dan Datuk Bandar Patok kena seliang pada urat tangan kanannya tetapi tiada yang sampai maut. Akhirnya pihak Datuk Bandar Patok pun tewas dan lari. Maka Cheras pun alah dirampas oleh Datuk Dagang Ronggok segala harta benda termasuk seorang perempuan janda nama Che Halus ditawannya dan dibawanya balik ke Kelang.

Adapun Datuk Bandar Patok itu apabila telah kena parah dia pun jatuh ke Sungai Langat kata orang telah mati. Tetapi yang sebenarnya dia hanyut dan dapat naik pada suatu tanjung. Apabila perahu lalu dia pun menumpang ke Kajang lalu berubat.

Apabila Cheras telah menjadi padang tekukur ditinggalkan oleh musuhnya maka sekalian orang yang lari tadi masuk balik didapati telah tinggal abu sahaja. Datuk Bandar Patok balik tetapi kemudian pindah ke tempat lain lalu berpulang ke Rahmatullah.

Adapun Raja Selangor masa itu ialah Almarhum Sultan Abdul Samad bersemayam di bandar Langat (Kuala Langat). Di situalah tempat orang besar menghadap atau menerima titah apa-apa yang hendak dibuat. Perkara meminta tanah hendaklah dengan



Sultan Abdul Samad—  
Sultan Selangor yang keempat.

Eleh dari pada The New Straits Times Press (M) Berhad.



Tinggal rangka ... bekas istana Sultan Abdul Samad di Jugra.

Eleh dari pada The New Straits Times Press (M) Berhad.

kebenaran Sultan dan jika ada apa-apa bicara seperti pergaduhan di sitolah diputuskan atau diberi amaran begitu juga pengaduhan-pengaduhan perkara rampas atau pembunuhan.

## Pergaduhan Hulu Langat

Kira-kira pada tahun 1858 ada seorang bernama Raja Bugis orang Mendahiling tinggal di Kajang. Ada seorang lain orang Mendahiling juga bernama Raja Mengampang tinggal di Hulu Langat.

Raja Mengampang ada mempunyai lampan di Hulu Langat dengan kebenaran Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad menurut peribahasa zaman itu sudah dapat cap namanya. Kemudian Raja Bugis yang di Kajang itu hendak membuka lampan pula di sebelah Hulu Sungai Langat tetapi dibantah keras oleh Raja Mengampang. Menurut adat zaman berkeris dahulu ketika itu wajib dihunus senjata. Maka Raja Bugis pun dengan segera mendirikan sebuah kubu, iaitu pada suatu tempat dekat Batu 13 sekarang. Manakala Raja Mengampang turut mendirikan sebuah kubu pula di lampan itu, iaitu di Masjid Hulu Langat sekarang.

Pergaduhan itu lebih hebat bunyinya kerana bukan sahaja bersenjata keris dan tombak tetapi ada pakai meriam senapang dan pemuras. Tiga bulan lamanya sama-sama berkeras hingga banyak yang mati antara kedua-dua belah pihaknya dan seorang daripada kepala perang Raja Bugis kena parah.

Pergaduhan itu akan menjadi lebih dahsyat jika tidak kerana Raja Berayun seorang Mendahiling juga datang dari Kajang. Adapun Raja Berayun tersebut ialah ayahanda Raja Alang yang terkenal di Selangor dengan kayanya dan dia adalah yang mewakafkan sebuah masjid di Beranang berharga lebih daripada \$30,000 siap kira-kira tujuh lapan tahun dahulu.

Raja Berayun telah mengorbankan dirinya menjadi orang tengah memadamkan pergaduhan itu. Keputusannya ialah bahawa tanah lampan itu dipulangkan kepada Raja Mengampang dan pergaduhan itu pun padam.

# Riwayat Kuala Lumpur pada Penghujung Perintah Melayu<sup>5</sup>


## Perang Kuala Lumpur

KIRA-KIRA setahun di belakang maka saya pun beredar dan berpindah ke Hulu Kelang (sekarang sebuah mukim kira-kira 13 km dari Kuala Lumpur). Di sana saya mencari rezeki dengan jalan mengambil upah mengayun batang cangkul dan juga menyambut borongan (kontrak) membuat batas dipunyai oleh seorang yang bernama Raja Bilah.

Dalam masa saya bekerja itu dengan sekonyong-konyong udara aman yang tenang itu telah bertukar menjadi heboh bukan sahaja di Hulu Kelang tetapi ialah jua di Ampang dan Kuala Lumpur. Di sana orang ramai bercakap dan berbisik tetapi entah apa biji butirnya saya tak tahu kerana cakap-cakap itu berlaku dengan bahasa Mendahiling yang saya tiada mengerti sama sekali. Apa yang saya tahu ialah diajak orang bekerja memagar Hulu Kelang, iaitu dipagar dengan kayu bulat serta bekerja bersama-sama dengan orang ramai mendirikan benteng. Begitu juga kononnya orang di Ampang dan di Kuala Lumpur.



Kuala Lumpur adalah sebuah kota yang dibangun oleh orang Inggeris dan merupakan ibu negara bagi kerajaan British di Asia Tenggara. Ia terdiri daripada dua bahagian utama iaitu Kuala Lumpur dan Selangor. Kuala Lumpur merupakan bandaraya yang penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Ia merupakan pusat perdagangan, industri, dan pelancongan di Malaysia. Kuala Lumpur juga merupakan salah satu bandaraya terbesar di Asia Tenggara.



Old Market Square.

Adapun kepala-kepala bersiap itu yang saya ingat ialah Raja Asal, Raja Bilah, Raja Othman, Raja Ira, Samaripun, Sidi Raja, Raja Bernang dan Sutan Puasa.

Adapun orang yang menjadi panglimanya semuanya orang Mendahiling, iaitu Imam Perang Raja Berungun, Imam Perang Seri Handalan, Panglima Raja, Panglima Muda Segara, Imam Perang Sebaghdad, Panglima Muda dan Imam Perang Malim.

Tidak berapa lama maka kubu-kubu dan benteng-benteng itu pun sampailah lebih kurang sama di Hulu Kelang di Ampang dan di Kuala Lumpur, iaitu siap sekali dengan tempat lari masing-masing menurut kelengkapan perang zaman itu dan orang negeri itu pun duduk bersiap-siap sahaja di dalam kedai dan pada tempat masing-masing.

## Orang Putih Masuk

Pada suatu hari pada masa saya duduk di Kuala Lumpur saya lihat dua orang putih dengan lebih kurang 50 orang Sipahinya orang hitam, rambut keriting kata orang bangsa Calcutta telah datang ke Kuala Lumpur. Mereka menuju dan masuk ke dalam kubu yang kami siapkan itu, iaitu di kemuncak Bukit Mahkamah polis sekarang. Mereka masuk begitu sahaja umpama lebah pulang ke sarang. Saya pun hairan dan saya syak hati barangkali ada orang belot masa itu. Sebenarnya pula ada orang berkata bangsa Cina belot.

Keadaan Kuala Lumpur masa itu masih hutan melainkan dua lorong sebagaimana sebutan yang terdahulu itu. Cina ada sedikit-sedikit menternak babi di Pudu Road sekarang dan ada sebuah sungai kecil lalu di tengah-tengah jalan yang bernama Foch Avenue sekarang. Ketuaan Cina masa itu Kapitan Keledek (namanya Asi). Bila dia mati diganti dengan Kapitan Yap Ah Loy. Kapitan ini mempunyai sebuah pajak judi di tempat yang bernama "Old Market Square" sekarang tetapi tiada bercukai apa-apa.

Waris-waris atau orang besar Selangor masa itu yang saya ingat tiga orang.

1. Tuk Ungku Kelang tempatnya di Kuala Pauh (Batu 4 Petaling sekarang);
2. Datuk Menteri tempatnya di Batu; dan
3. Encik Manah tinggal di Tangga Cina.

Adat waris-waris negeri ini mengambil apa-apa barang di kedai Cina tiada payah dibeli.

## Bergaduh dengan Sipahi

Pada suatu hari dua orang Sipahi orang putih yang baru datang kira-kira seminggu itu telah turun dari bukit kubu itu. Berjalan-jalan entah bagaimana diambilnya dengan keras sahaja ayam orang kedai yang berkurung di bawah pangkin itu lalu dilarikannya. Apalagi orang Melayu pun mengejar dengan keris dan tombak tetapi tiada dapat kerana mereka dapat lari ke dalam kubu. Itulah asal mula-mula bergaduh dalam pekan Kuala Lumpur dan kubu itu pun dilanggar oleh orang Melayu dalam masa berlawan itu periuk api pun dilepaskannya dari kubu itu menyebabkan rumah-rumah terbakar. Perang itu berkekalan kira-kira enam bulan lamanya. Senjata orang Melayu keris, tombak, pedang dan senapang pakai kip dan dihinal dengan sabut manakala senjata Sipahi di kubu itu senapang dan periuk api. Banyak kedua-dua pihaknya mati tetapi kubu itu tak dapat dialahkan.

Maka orang Melayu pun berikhtiar meminta bantu. Surat pun dikirim sepucuk kepada Sultan Bangkahulu orang Rawa tinggal di Tanjung Malim dan sepucuk dikirim kepada Engku Sutan orang Rawa juga tinggal di Semenyih. Surat-surat itu dibawa orang dengan jalan kaki sahaja kepada kedua-dua tempatnya.

Tidak berapa lama di belakang permintaan-permintaan itu diterima baik dan bantuan-bantuan pun tiba, iaitu 100 orang dari Tanjung Malim dan kira-kira 100 orang pula dari Semenyih dikepalai oleh anak Engku Sutan namanya Raja Amin cukup dengan alat senjata dan hulubalang masing-masing. Apabila bantuan-bantuan ini

sampai maka muafakat pun diadakan dan kubu Bukit Mahkamah tempat orang putih itu pun dikepung dan berperanglah kedua-dua pihaknya ada lebih kurang sebulan lamanya.

Antara orang berperang itu pada suatu malam ada seorang Minangkabau bernama Raja Layang dengan empat orang Sipahi hitam kawannya menghendap-hendap masuk ke kubu Sutan Puasa maksudnya hendak memaku lubang meriam Sutan Puasa tetapi orang di kubu itu cukup berjaga dan kelima-lima orang ini dapat ditangkap. Apalagi mereka pun diseksa di dalam kubu itu hingga sampai dicili ada kira-kira dua hari lamanya. Kemudian mereka dibawa ke tepi Sungai Kelang (tentang Ampang Road sekarang) sampai di situ lalu dibunuh lepas seorang-seorang dan penyudah sekali tiba pula giliran Raja Layang tetapi entah bagaimana sementara orang hendak membuka ikat tangannya dengan tiada disangka-sangka Raja Layang dengan sekonyong-konyong dapat terjun ke dalam sungai dia pun menyelam hilang ghaib dari pandangan mata tak dapat ditangkap lagi. Kemudiannya diketahui yang Raja Layang ini dapat berhanyut dan naik di tempat gudang kereta api sekarang (*goods shade*). Dari situ dia pun pergi mendapatkan Kapitan Yap Ah Loy dan selamat daripada mati seperti kawan-kawannya yang empat orang tersebut.

Akhirnya orang Kuala Lumpur menjemput Engku Mahmud (Raja Mahmud Bin Tengku Panglima Raja) dan Syed Sohor kerana meminta bantu. Maka Engku Mahmud dengan Syed Sohor pun tiba dengan beberapa banyak orang dengan hulubalangnya. Di dalam orang yang datang itu saya kenal (1) Panglima Kiri dan (2) Encik Hasan orang Pahang.

Dengan tadbir dan perintah Engku Mahmud sepucuk meriam telah dapat dibawa ke atas pokok kayu ara berhampiran dengan kubu orang putih itu. Apalagi kubu itu pun dapat ditembak dengan meriam tiap-tiap hari ada kira-kira 10 hari lamanya. Akhirnya, orang putih itu tiada tahan lalu lari tengah malam tetapi orang Cina turut lari pula.

Pada keesokan harinya Raja Mahmud dengan rakannya menurut kesan orang yang lari itu kira-kira pukul 12 tengah hari.

Dia pun balik membawa kedua-dua orang putih itu dengan enam orang hitam Sipahinya. Orang putih dengan Sipahi-sipahi itu dipenjara dalam kubu kira-kira empat hari lamanya. Akhirnya orang hitam itu dibunuh tetapi dua orang putih itu dipelihara dijadikan tukang meriam.

Apabila Raja Mahmud Bin Tengku Panglima Raja datang ke Kuala Lumpur kerana memberi pertolongan itu, itulah masanya saya mula-mula kenal kepadanya. Raja Mahmud pada masa itu berusia kira-kira 35 tahun kulitnya hitam manis, misainya tiada berapa lebat, pakaianya sapu tangan sehelai, baju gunting Selangor pesak sebilah dan berseluar panjang pesak empat. Senjatanya keris, kapak Cina, iaitu betul-betul kapak Cina diperbuat tempoh perang Belanda di Kuala Selangor dan sebilah pedang. Adapun keris itu ialah keris pusaka daripada ayahandanya. Saya pun masa itu memakai senjata sendiri, iaitu pedang sebilah, tombak lada dan senapang pakai kip saya beli lima ringgit dan dari masa itu saya menjadi juak-juak kepada Raja Mahmud dibawanya saya ke mana-mana dia berperang.

## Perang Pahang dan Raja Layang

Aman sejahtera telah tersiar di Kuala Lumpur tetapi hanya kira-kira sebulan sahaja manakala perkhabaran yang lebih menggentarkan hati telah sampai pula, iaitu orang Pahang hendak melanggar dan mereka telah hampir ke Hulu Kelang. Adapun orang Pahang itu beribu banyaknya. Kepala-kepalanya yang saya ingat disebut orang ialah Panglima Garang Ishak, Encik Mat Saman Datuk Gajah, Orang Kaya Pahlawan, Orang Kaya Jeli, Orang Kaya Temerloh, Datuk Muda Sulaiman dan Imam Perang Mahkota.

Peperangan pun berbangkit di Hulu Kelang di antara orang Mendahiling dengan orang Pahang ada beberapa lama akhirnya orang Mendahiling tewas dan Hulu Kelang pun ditawan oleh orang Pahang.

Tersebut kisah Raja Layang orang Minangkabau yang lari itu rupanya sampai di Sungai Ujong mendapatkan Tuan Syeikh



Raja Mahmud, seorang panglima Melayu yang terkenal di Semenanjung.

Muhammad Taib, Tuan Syeikh Muhammad Ali dan Haji Muhammad Salleh Penghulu Rawang dahulu. Dia dapat ikhtiar di sana sehingga banyak pula pengikutnya. Dia pun berangkat dengan beratus-ratus orang rakyatnya sampai di sebelah hilir Kajang lalu membuat kubu di situ hendak melanggar Kajang. Perkhabaran itu kedengaran kepada Raja Berayun lalu diberinya tahu Raja Mahmud di Kuala Lumpur.

Mendengar perkhabaran itu Raja Mahmud pun berangkat ke Kajang dengan segala pahlawannya dan saya pun sama mengiring. Tetapi Raja Layang telah lari malam apabila mendengar yang Raja Mahmud telah sampai di Kajang.

Raja Mahmud sangat murka kepada Raja Layang. Ada khabar mengatakan Raja Layang lari ke Rekoh dan meskipun banyak orang memberi nasihat jangan turut Raja Layang tetapi Raja Mahmud berkeras juga katanya ada saudaranya di Rekoh. Pendeknya Raja Mahmud akhirnya tiba di Rekoh.

Kata Tuan Haji Abdullah Hukum—di Rekoh dia melihat periganasnya tangan Raja Mahmud—Raja Mahmud bertemu dengan seorang Minangkabau yang nampaknya tiada ambil endah kepadanya. Ditanya oleh Raja Mahmud seperti berikut:

Raja Mahmud—awak orang mana?

Jawabnya—saya orang Minangkabau!

Raja Mahmud—siapa ketuaan awak?

Jawabnya—Raja Layang!

Itulah dua patah soal jawab sahaja orang itu pun ditikam oleh Raja Mahmud sama sekali sahaja mati di situ juga.

Raja Mahmud terus ke pekan Rekoh. Dia pun bertanya kepada seorang Kerinchi nama Haji Muhammad Salleh di mana Haji Abdul Samad orang Minangkabau.

Setelah diketahuinya daripada orang Kerinchi ini di mana Haji Abdul Samad maka Raja Mahmud pun pergi mendapatkan Haji Abdul Samad. Apabila bertemu lalu ditanya pula seperti berikut:

Raja Mahmud—siapa ketuaan Pak Haji?


Jawabnya—Tuankulah!

Mendengar itu Haji Abdul Samad pun dipeluk oleh Raja Mahmud dengan sukacitanya kerana niatnya hendak membunuh Pak Haji itu jika dia mengatakan berketuaan kepada Raja Layang. Di situlah Raja Mahmud mengeluarkan wang sepuluh ringgit belanja menanam orang yang ditikamnya tadi. Kemudian daripada itu maka Raja Mahmud pun berangkat balik ke Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur masa itu berkacau. Tiap-tiap bangsa mengambil bahagian jikalau tidak di sebelah sini mestilah di sebelah sana. Cuma satu bangsa sahaja yang saya tahu tidak masuk ke sebelah mana-mana pun, iaitu orang Kerinchi. Orang Kerinchi terus-menerus bekerja menggalas beras dari Seremban ke Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur Raja Mahmud telah menjadi gusar manakala mendengar yang orang Pahang di Hulu Kelang itu berniat pula hendak melanggar Kuala Lumpur dan setengahnya telah sampai di Tangga Cina.

Orang dari Kuala Lumpur keluar menahan dan peperangan pun berlaku di Tangga Cina sementara itu Raja Mahmud, saya sama mengiring jadi juak-juaknya pergi ke Ampang dan berperanglah di situ dengan orang Pahang ada beberapa hari lamanya tiada bertahan kerana makanan tiada cukup lalu lari balik ke Kuala Lumpur duduk dalam kubu masing-masing. Apalagi orang Pahang pun mendesak ke Kuala Lumpur kerana telah diketahuinya Raja Mahmud tiada di luar lagi.



## Perempuan Melayu Sudah pun jadi Pahlawan<sup>6</sup>

### Sambungan Perang Kuala Lumpur

APABILA Tengku Mahmud undur atau lari balik ke Kuala Lumpur dari Ampang maka orang Pahang pun mendesak dan Kuala Lumpur pun terkepung pula. Orang Pahang berjaga dan bertunggu di dalam hutan sekeliling Kuala Lumpur dan ketika itu Raja Layang orang Minangkabau yang tersebut lari dari Kajang ke Rekoh itu telah tiba pula mengambil bahagian memerangi Kuala Lumpur di sebelah orang Pahang.

Raja Layang itu balik, banyak membawa bala tentera dan kawan-kawannya, semuanya orang Minangkabau belaka. Pahlawan-pahlawan yang terbilang gagah perkasa ialah Pahlawan Tuan Syeikh Muhammad Taib, Pahlawan Tuan Syeikh Muhammad Ali, Haji Kecik, Imam Perang Mat Aris, Khatib Raja dan Ginti Ali.

Pahlawan kedua-dua belah pihaknya hampir-hampir tiap-tiap hari bertempik meminta lawan tetapi tidak pernah berjuang betul-betul sebab berjauh-jauhan kerana langkah perang masa itu kebanyakannya hendap-menghendap atau ganti henti-menghenti

sahaja dan yang terpencil atau alpa nescaya kena jadi penggilap mata keris musuh ataupun jika musuh berani melanggar kubu atau orang yang di dalam kubu berani keluar menyerang baharulah berguna segala silat pencak pendekar dan masa itulah jua berguna ilmu kebal serta kegagahan segala panglima.

Begitulah perang-perang hendap-menghendap itu berjalan beberapa lama—kata yang bercetera, iaitu Tuah Haji Abdullah Hukum bertahun juga pada masa Kuala Lumpur itu terkepung orang dalam Kuala Lumpur tersangat susah sebab makatan (makanan) kurang, nasi dianduk dengan umbut dan mempulur itu pun syukur kalau dapat akhirnya hampir-hampir semua orang merasa lemas bagi tikus dalam perangkap.

## Keberanian Seorang Perempuan

Syah dan pada suatu hari sebaik-baik matahari akan condong ke sebelah Maghrib dengan tiba-tiba semua orang telah menjadi gempar manakala seorang perempuan muda berumur hanya kira-kira 20 tahun bernama Cik Putih sementelah pula dia cantik putih bagi namanya isteri bagi Raja Asal (seorang kepala Jawa) telah berseru di hadapan orang ramai dengan suara yang merdu bunyinya katanya, "Hai sekalian hulubalang! Apa fikiran kamu sekalian? Kita nampaknya hampir akan tewas, makanan pun tinggal sedikit dan orang kita banyak yang telah mati. Jika kita bertahan begini sahaja tentulah kita seolah-olahnya memeram batu. Sebab itu izinkanlah saya keluar mengambil bahagian berperang. Saya reda mengorbankan nyawa saya hatta jika saya akan bertemu dengan maut sekalipun."

Apabila mendengar perkataan itu maka hulubalang sekalian kedengaran bertempik mengatakan, "Jangan encik keluar, selagi ada hayat kami biarlah kami mati dahulu."

Kemudian daripada itu terjadilah cakap-cakap di antara satu sama lain sampai riuh bunyinya serata kubu. Dengan sekonyong-konyong kira-kira pukul tiga petang hari itu Cik Putih tadi telah

kelihatan sedia akan menjadi imam perang. Dia memakai seluar Acheh belang merah hitam, berbaju sutera tangan pendek, rambutnya terhurai sampai ke betis bertanjak telepok benang mas dan tampannya pun telah menjadi hebat umpama emas permata intan lebih-lebih lagi oleh kerana senjatanya pedang dan keris serta dengan selaras senapang.

Oleh kerana kehebatan itu maka suaranya pun menggegar mengandungi perangsang. Katanya, "Hai hulubalang sekalian, berserahlah kita kepada Allah dan ikutlah saya!" Dia pun berjalan keluar kubu diiringkan oleh sekalian hulubalang dengan segala tempik sorak yang gempita bunyinya menuju tempat orang Pahang dan Raja Layang, iaitu di tepi hutan Bukit Timbalan (sekarang Weld Hill namanya).

Apabila dilihat oleh musuh maka mereka pun keluar menyongsong. Apalagi bertemulah di situ buku dengan ruas, berperang tidak berkubu dan tidak menghendap-hendap melainkan berhadapan ganti tetak-menetak dan pancung-memancung dan di situlah silat pencak kedua-dua pihaknya berjuang mana yang kena undur atau terbaring di situ hingga sampai kira-kira pukul enam petang baharu bersuak.

Maksud keluar menyerang ini ialah dengan langkah hendak menewaskan musuh. Apabila perang ini bersuak ertinya musuh tidak tewas sungguhpun orang Pahang dan orang Raja Layang balik ke tempatnya dan Cik Putih balik ke kubu tetapi apa yang dimaksud telah menjadi hampa kerana musuh masih kuat dan kubunya tak dapat ditawan. Sebaliknya pihak Cik Putih telah merasa gentar kalau-kalau diserang oleh musuh pada masa itu tentu sahaja akan tewas sebabnya yang besar sekali ialah kurang makanan.

## Kuala Lumpur Alah

Suatu mesyuarat telah diadakan pada malam itu kerana mencari fikiran dan semua halnya telah ditampi teras dan didapati kebimbangan kerana kekuatan musuh. Keputusan mesyuarat ialah "undur".

Pada keesokan harinya beras dan makanan-makanan lain pun dibahagi-bahagi lalu lari mula-mulanya ke sebelah Pudu. Keadaan lari itu didahuluikan perempuan manakala laki-laki berjalan di belakang menjaga dan melawan musuh kerana musuh sudah tentu akan menghambat. Dari Pudu terus ke Hulu Kelang ikut jalan dalam hutan jua. Musuh memburu dari belakang lari pula ke Hulu Gombak dan ke Hulu Batu akhirnya tembus ke Batu (tentang Rumah Pasung dahulu sekarang Checking Station). Dari situ lari pula ke Parit Tengah Bukit Kanching dari situ Tengku Mahmud dan sekalian orang Mendahiling terus lari ke Kuala Kubu.

Tengku Panglima Raja ayahanda Tengku Mahmud masa itu tinggal di Cheras berkubu dan menjaga musuh sahaja bersama-sama dengan Raja Berayun dan Raja Mampang. Tengku Laut Ibn Sultan Muhammad lari ke Kuala Kubu jua manakala waris-waris Kelang lari bertabur-tabur setengahnya ke Cheras, setengahnya ke Beranang dan sebahagian lain lari ke Kuala Semenyih.

Kata sahibulhikayat—Tuan Haji Abdullah Hukum—saya dengan empat orang kawan tak kuasa hendak lari lagi lalu bersembunyi dalam hutan Kanching beberapa lama sehingga sudah senyap sedikit maka kami pun keluar lari ke Mantin. Duduklah saya di Mantin itu berdiam diri sahaja ada kira-kira enam bulan lamanya.

Kemudian dapat khabar Raja Mahmud berserta dengan Raja Manan tiba pula di Kepayang (suatu tempat di antara Batang Labu dan Seremban). Kira-kira tiga bulan di belakang orang pun datang mendapatkan Raja Mahmud memberitahu yang seorang daripada gundiknya telah dilarikan oleh seorang Bugis namanya Datuk Penggara dan datangnya dari Kuala Langat. Sebab itu Raja Mahmud dengan kawan-kawannya balik bersiap dan menegakkan benteng di Bangi dengan maksud hendak menuntut bela jua. Adapun Sungai Langat itu lalu di Bangi dan dengan jalan sungai itu boleh hilir ke Kuala Langat ke mana gundiknya telah dilarikan orang itu tetapi sebelum dia dapat menuntut bela tumbuh pula berbagai-bagai halangan. Pada masa itu, timah tak boleh turun ke Kuala Langat sebab khabarnya kapal perang Inggeris ada di sana oleh sebab itu perniagaan timah itu dibawa ikut jalan ke Seremban diupah menggalasnya.



Permandangan lombong biji timah  
di Kuala Lumpur pada tahun 1890-an.

## Kerinchi Menuntut Bela

Adapun orang yang mengambil upah menggalas timah dan beras i antara Seremban itu kebanyakannya orang Kerinchi. Cina ada dua tiga orang sahaja.

Pada suatu hari satu kumpulan orang Kerinchi menggalas timah telah disamun orang. Oleh kerana orang Kerinchi itu melawan maka suatu perkelahian telah berbangkit. Sungguhpun barang-barang itu tak dapat dirampas oleh penyamun itu, tetapi dengan malangnya seorang Kerinchi telah terbunuh dalam perkelahian itu. Kemudian isiasat didapati bahawa kepala penyamun itu ialah Panglima Muda Sepajar orang Batu Bara, iaitu orang Raja Mahmud.

Lapan hari di belakang perkhabaran itu sampailah kepada orang Kerinchi Sungai Ujong (Seremban) oleh itu orang Kerinchi pun mengadakan suatu mesyuarat kerana hendak menuntut diat kepada Raja Mahmud itu. Apabila Engku Tua telah memberi izin maka orang Kerinchi itu pun berjalan ada kira-kira 30 orang banyaknya di antaranya ialah Imam Perang Alam, Haji Arshad, Haji Mansur, Haji Abdul Latif, Haji Muhammad Shah dan (sahibulhikayat) Haji Abdullah Hukum.

Apabila sampai di Bangi orang Kerinchi itu telah diterima baik oleh Raja Mahmud, dipersilakannya ke dalam, dipersilakan duduk dan disorongkannya tepak sirih serta dia bertanya apa hajat?

Apabila sirih telah dikapur maka Imam Perang Mangku, iaitu kepala dan jurukata orang Kerinchi itu pun berkata, "Harap diampun Tengku! Kedatangan patik semua ini ialah kerana hendak mengadu seorang daripada waris kami telah mati dalam kawasan Tengku. Itulah kami sembahkan jika hilang minta dicari, cicir minta dipungut, kalau luka minta dipampus dan jika mati minta didiat."

Ada sejurus lamanya maka Raja Mahmud pun tidak berpanjang madah lagi melainkan mengaku akan membayar diatnya. Ketika itu jua dia bertitah kepada adindanya Raja Manan suruh berikan sarung keris terapang emas akan jadi tanda diat itu dengan sabdanya apabila dia sampai di Sungai Ujong dia akan menebus tanda itu \$100. Tanda itu pun diterima oleh Imam Perang Mangku seraya

berdiri minta diri tetapi Raja Mahmud bertitah pula suruh kami duduk sebentar lagi.

Kami pun duduk dan Raja Mahmud bertanyakan perihal orang Bugis yang di Rekoh itu. Katanya dia hendak menghalau mereka dari situ.

Kata Imam Perang Mangku adapun Bugis di Rekoh itu sedang berkira hendak melanggar. Akhirnya Raja Mahmud mengajak kami berpadan supaya apabila Bugis datang melanggar orang Kerinchi belot. Setelah kami semua mengaku setia maka kami pun balik terus menghadap Engku Tua mangatakan yang Raja Mahmud mengaku akan membayar diat.

## Bugis Rekoh Alah

Kebetulan Bugis di Rekoh pada masa itu sedang bersiap hendak melanggar Raja Mahmud. Kawannya ialah orang Tembusi, orang Kampar dan juga orang Kerinchi. Rahsia di antara orang Kerinchi dengan Raja Mahmud itu disimpan baik-baik sehingga seorang pun tiada tahu.

Pada keesokan harinya kira-kira pukul tujuh pagi sampailah sekalian pada suatu tempat berhadapan dengan kubu Raja Mahmud. Masing-masing pihak membuat kubu. Orang Kerinchi sebuah, Bugis sebuah, Tembusi dan Kampar sebuah-sebuah pula.

Orang Kerinchi mendirikan kubu di sebelah matahari hidup kerana menurut persetiaan dengan Raja Mahmud dan tembak orang Kerinchi tiada berpeluru.

Sejurus lamanya maka orang Kerinchi pun menembak kubu Raja Mahmud tetapi tiada peluru. Oleh itu, Raja Mahmud pun faham akan isyarat-isyarat itu dan dia pun keluar dengan serta-merta menyerang orang yang di sebelah matahari mati sahaja. Ketika itu kebetulan orang Bugis dengan sekalian orang Kampar dan Tembusi itu belum siap. Apa lagi boleh dikata apa kata Raja Mahmud sahaja. Panglima-panglima orang Bugis telah mati enam

orang, banyak yang luka-luka manakala di sebelah Raja Mahmud seorang pun tiada mati. Sebentar lagi orang Bugis dan kawan-kawannya pun tewas lalu lari ke dalam hutan bertabur-tabur dan setengah-setengahnya lari masuk perahu.

Kata Tuan Haji Abdullah Hukum inilah penghabisan pergaduhan di sebelah darat Selangor. Apabila Bugis telah lari maka negeri pun aman. Saya pun duduk di Semenyih bermiaga kain ada kira-kira dua tahun lamanya. Adapun Semenyih itu ialah di bawah perintah Raja Husin seorang raja peranakan Sungai Ujong.

Hulu Langat, Kajang dan Rekoh masa itu di bawah perintah Raja Kahar Ibn Sultan Abdul Samad. Tengku itu jua majistretnya masa itu dan Tengku itu memberi hukum kepada orang Minangkabau seperti Panglima Muda, Khatib Raja, Ginti Ali dan jurutulis supaya memulangkan harta-harta orang Mendahiling yang dirampas dahulu dipulangkan kepada Raja Yusof dan Fatimah cucu daripada Datuk Penghulu Langat. Saya duduk pula membuka sawah di Langat ada kira-kira dua tahun.

Dalam masa saya tinggal di Hulu Langat itu saya mula-mula dapat memandang wajah Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Samad, iaitu pada masa Yang Maha Mulia itu berangkat kerana suatu lawatan melihat persawahan di sana dan Yang Maha Mulia sendiri ada mengaturkan sawah-sawah itu. Kedatangan Yang Maha Mulia itu dari Kuala Lumpur ialah dengan jalan sungai dan bertandu. Yang Maha Mulia itu diiringi oleh ramai dayang-dayang dan hulubalang.

Kemudian saya berpindah pula ke Kuala Lumpur menuju rumah Raja Bot dan Raja Syam. Ketika itu saya ingat Raja Bot berkata yang perang telah berhenti kira-kira 30 tahun.



## Mula-mula Dibuka dengan Aman<sup>9</sup>

### Orang Melayu Berkebun

APAKALA aman telah tersiar di Kuala Lumpur maka orang Melayu pun daripada segala bangsa mulai ramai mengambil tanah membuka kebun dan membuat kampung. Di antara tanam-tanaman yang disukai orang pada masa itu ialah kopi dan lada hitam. Orang mulai berladang di Setapak, Hulu Gombak, Batu, Pudu, Petaling dan tempat-tempat lain sekeliling Kuala Lumpur dan saya pun kata Tuan Haji Abdullah Hukum pada suatu hari datang menghadap Raja Laut di rumahnya berbetulan di hadapan sekolah Melayu Gombak Lane sekarang (pada zaman dahulu Kuala Gombak namanya). Adapun Raja Laut itu ialah putera Sultan Muhammad dan ialah juga Raja Muda Selangor.

Kedatangan saya menghadap itu ialah kerana meminta tanah. Raja Laut memberi sepucuk surat kebenaran kepada saya mengambil tanah di Pudu serta dianugerahkannya sepucuk surat lagi menjadikan saya ketuaan dengan gelaran Penghulu Masjid. Oleh sebab itu, ramai orang Kerinchi mengikut saya tinggal di Pudu,

iaitu di tempat yang dinamakan sekarang Bukit Bintang. Duduklah kami di situ dengan aman bertanam sayur, tebu, pisang dan tanam-tanaman lain termasuk seperti sirih dan pokok-pokok yang lekas berbuah manakala di tempat-tempat yang lain ramai orang membuka sawah. Lamanya saya di Pudu rasanya ada kira-kira enam tujuh tahun.

Di antara berbagai-bagai pekerjaan yang telah saya cuba termasuk menjadi nakhoda mengambil upah atau tambang membawa beras dari Kelang ke Kuala Lumpur dengan perahu. Upahnya sekoyan \$40. Perahu saya itu ialah buatan Linggi dan pelayaran dari Kelang ke Kuala Lumpur itu selamanya bergalah dan lamanya di antara 10 dan 15 hari tetapi jika musim hujan boleh sampai dalam tiga hari kerana air dalam.

Orang putihnya masa itu ialah Tuan Douglas, Tuan Sawyer dan dua tiga orang lagi. Kepala mata-mata bernama Sarjan Mejor Ahmad dan Sarjan Long orang Melaka. Saya mula-mula berjumpa dengan Tuan Douglas dan Tuan Sawyer di rumah Kapitan Yap Ah Loy kerana mendengar bicara beberapa orang tertuduh mencuri padi. Bicara itu dibuang sahaja sebab tiada cukup keterangan.

Jalan-jalan keluar Kuala Lumpur belum ada. Orang keluar masuk ikut jalan perahu atau ikut jalan kesan jejak orang. Rumah-rumah kedai Kuala Lumpur atap bertam, tembok tanah liat di Java Street dan di Ampang Street sekarang. Jambatan Java Street itu diperbuat daripada buluh dan tambatan dekat pasar itu diperbuat daripada dua batang kayu tetapi apabila orang putih telah datang jambatan-jambatan itu diganti dengan papan.

Pada suatu masa Kuala Lumpur telah terbakar habis jadi abu semua sekali melainkan rumah Kapitan Yap Ah Loy sebab rumah itu jauh tak dapat disambar oleh api. Sudah terbakar itu diganti balik dengan tanah liat dan atap bertam jua tetapi tiada berapa lama datang pula bah besar dan rumah-rumah itu habis binasa dan hanyut melainkan satu dua buah. Kemudian daripada bah itu didirikan orang balik rumah-rumah lebih banyak daripada yang telah hanyut itu. Itu pun rumah-rumah yang di Ampang Street terbakar pada waktu siang hari ketika Haji Ali memasak nasi



**Yap Ah Loy, kapitan Cina di Kuala Lumpur.**

Ehsan dan pada Anak Negara.

minyak dan kata-kata orang dari situlah asal api. Sudah terbakar itu rumah-rumah dibangunkan lagi dengan keadaan yang bertambah-tambah banyak dari dahulunya.

Pada masa Raja Mahmud Ibn Sultan Muhammad menjadi Penghulu Kuala Lumpur saya mendapat surat kebenaran membuka kebun di Bukit Nenas kemudian saya mendapat surat kebenaran daripada Tuan Maxwell dan Raja Laut membuka Sungai Putih, iaitu Bangsar Road sekarang.

## Kekayaan dan Pergaduhan Melayu

Kuala Lumpur semakin lama semakin ramai dan semakin banyak pembiagaan di tangan orang Melayu dan rumah-rumah kedai pun banyak dipunyai oleh orang Melayu. Adapun orang yang kaya pada masa itu pada ingatan saya yang terbanyaknya ialah orang Minangkabau, iaitu Haji Abdul Samad, Haji Abdul Majid Panjang, Haji Abdul Samad Panjang, Haji Abdul Samad Kecil, Haji Muhammad Ali, Haji Osman (Imam kemudian Kadi Kuala Lumpur), Haji Zainal Abidin, Hajjah Fatimah bonda Haji Ali (sekarang Pemeriksa Sekolah-sekolah agama Johor), Haji Abdullah Panjang Hashim, Baginda Kaya Haji Arshad, Datuk Maharaja. Daripada orang Mendahiling ialah Sutan Puasa, orang Kerinchai Haji Arshad, orang Melaka Datuk Abdullah, orang Pulau Pinang Che Din, Encik Baki Melaka mentua Tuan Haji Abdullah Hukum, orang Aceh Haji Salleh dan ada seorang orang Linggi dan orang Terengganu Che Soh.

Masjid yang mula-mula sekali didirikan oleh mentua saya (Encik Baki) di Kampung Melaka (Batu Lane sekarang) dan masjid itu dinamakan Masjid Melaka (sekarang Masjid Keling atau Masjid Chulia). Masjid ini didirikan oleh pakatan orang Melaka dan orang Melaka juga tukangnya dan segala pegawainya tetapi orang Minangkabau telah mendirikan sebuah masjid lain berbetulan tentang gedung Gian Singh di Java Street sekarang. Disebabkan Masjid Batu ini orang Melayu pun mulai bersinggit akhirnya

berseteru sebab masing-masing pihaknya hendak mendirikan Jumaat. Masing-masing pihaknya tak mahu beralah malah masing-masing hendak mengalahkan pihak yang lain.

Perseteruan itu semakin merebak dan hampir-hampir akan membangkitkan perkelahian besar. Mujurlah kerajaan campur tangan, iaitu Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Samad Alam Shah (ninda sultan sekarang ini) sedang melawat Kuala Lumpur dengan jalan sungai dan kereta dengan segala alat kebesarannya. Yang Maha Mulia Sultan telah memadamkan perseteruan itu dengan titahnya, iaitu sembahyang Jumaat hendaklah bergilir-gilir di antara dua buah masjid itu. Titah itu disambut oleh orang ramai kedua-dua pihaknya dengan sukacita dan kemudian daripada itu api perseteruan itu pun padam. Menandakan terima kasih orang ramai apabila Yang Maha Mulia Sultan telah berangkat balik ke Kelang, maka orang pun menghantar persesembahan seperti berikut:

Haji Baki seekor kuda putih dan enam ekor kerbau dari Datuk Sati Penghulu Setapak, Mat Saman Penghulu Batu, Haji Kechil Penghulu Petaling, Raja Mas Penghulu Hulu Kelang, Imam Muhammad Penghulu Ampang dan saya.

Pada masa itu saya berkekalan duduk di Sungai Putih dan hutan Bukit Changgi Puteri itu sayalah kepala membukanya dengan orang saya. Ada yang duduk di situ sampai masa ini. Tempoh perintah Tuan Simmon dan pada masa tuan itu mula-mula melawat tempat itu sayalah menunjukkannya. Masa itu penghulunya ialah Encik Ahmad Bin Datuk Panglima Garang (sekarang Chief Penghulu Kuala Lumpur).

## Kemahkotaan Sultan

Suatu keramaian yang besar belum pernah terjadi di Selangor telah diadakan di bandar Kelang kerana pertabalan Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sekarang (1898). Bandar itu telah menjadi sesak rupanya dan persembahan-persembahan dari merata-rata tempat tiada tepermenai. Yang saya tahu Raja Laut dengan Che Soh

menghantar persembahan seekor kerbau, Panglima Kiri Kuala Kubu seekor rusa.

Orang Kerinchi saya kepalanya menghantar seekor kerbau. Orang Kerinchi yang datang itu semuanya Haji dan memakai jubah tetapi apabila sampai di Kampung Kuantan Kelang orang itu enggan menghadap katanya mereka tiada tahu adat menghadap dan takut kalau-kalau salah adab. Oleh sebab itu, saya minta tolong kepada orang Kelang pandu saya membawa persembahan itu kepada raja sehingga dapat disembahkan dengan selamat.

Apabila balik dari Kelang itu Raja Mahmud memberi saya sepucuk surat dan surat itu ada sampai sekarang ini.



## Melantik Orang Besar\*

### Sedikit Keterangan

PATUTLAH kita terangkan sedikit lagi bahawa Riwayat Kuala Lumpur yang telah kita siarkan berulang-ulang itu ialah daripada ingatan seorang yang tertua, iaitu Tuan Haji Abdullah Hukum sebagaimana sebutan dalam pendahuluan kita dahulu. Dengan butir-butir yang telah tersiar nyatalah bahawa riwayat itu semata-mata mengandungi apa yang telah dilihat dan didengar oleh sahib-ulhikayat (orang yang menceritakannya) sendiri sekadar barang yang masih tersimpan di dalam ingatannya dan dapat disampaikaninya kepada penulis khas *Warta Ahad* yang di Kuala Lumpur itu. Tidaklah hairan bahawa riwayat itu tidak sekali-kali mengandungi perjalanan siasat negeri pada masa itu menunjukkan bahawa sahibulhikayat tidak mengetahui bagaimana perhubungan Almarhum Sultan Abdul Samad dengan kerajaan Inggeris atau surat-surat perjanjian (*treaty*) yang telah diputuskan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihaknya. Bahkan tidak pula riwayat itu dapat menerangkan apakah sebabnya maka berlaku perperangan

seperti orang Pahang datang melanggar dan mengapa Raja Layang orang Minangkabau itu menyebelahi orang Pahang. Apa yang diketahui dan dilihat oleh sahibulhikayat ialah kejadian-kejadian yang dilihat dan didengarnya lain tidak.

Oleh sebab itu, sekiranya berlaku apa-apa kesilapan katalah pada menyebutkan nama-nama ataupun tertinggal setengah daripada nama-nama orang yang barangkali patut tersebut, maka hendaklah difaham bahwasanya kesilapan itu tidak sekali-kali bersahaja melainkan ialah oleh kerana terlupa. Pepatah telah berkata—lama lupa, banyak ragu.

## Melantik Orang Besar

Kata sahibulhikayat—pada Almarhum Sultan Abdul Samad melawat ke Kuala Lumpur sebagaimana sebutannya dalam keluaran yang baharu lalu pada masa mana Yang Mulia itu memadamkan perseteruan orang Melayu yang berbangkit disebabkan oleh dua buah masjid. Pada masa itu, Tuan Residennya ialah Tuan Rodger. Suatu keramaian besar telah diadakan kerana melantik beberapa orang diangkat menjadi Ketua atau Orang Besar.

Keramaian itu diadakan di Bukit Nenas. Maka itulah suatu keramaian yang mula-mula sekali diadakan di Kuala Lumpur. Dalam riwayat keramaian itu diadakan selama tujuh hari tujuh malam dan menurut adat keramaian zaman dahulu gelanggang judi pun dibuka setiap hari jangan disebut sabung dan gelanggang pencak silat berbagai-bagai rupa dan gaya serta berpuluhan-puluhan ekor kerbau tumbang dan orang yang dilantik itu diarak ke hadapan Yang Maha Mulia Sultan.

Orang yang diangkat itu ialah (1) Tuk Setapak, (2) Tuk Bela Sungai Cantik, (3) Imam Perang Muhammad Arif, (4) Raja Utih dan (5) Tuk Dagang Dianjuk sahibulhikayat (Haji Abdullah Hukum).

Orang yang tersebut ini dikenal dan diingati oleh kerajaan. Bila-bila diadakan keramaian di rumah Tuan Besar orang inilah ke hadapan bersama-sama dengan orang lain yang memang Orang

Besar negeri begitu pula pada masa keramaian yang dinamakan "menjalang" yang diadakan setahun sekali pada masa Hari Raya baik di rumah Raja Muda (Raja Laut) Kuala Lumpur baik pun di rumah Tuan Besar tak dapat tiada orang inilah mengepalai keramaian itu. Tetapi kemudian dengan malangnya juga apabila mereka (kecuali sahibulhikayat) telah meninggal dunia maka kehormatan mereka telah berkubur sama. Adapun Tuk Alam Setapak yang akhir sekali ialah Almarhum Datuk Simpan (kemudian bergelar Haji Abdullah) yang telah meninggal dunia kira-kira dua belas tahun dahulu. Anaknya ialah Encik Muhammad Arif yang sekarang seorang pensioner masih tinggal di Setapak hingga masa ini tetapi tiada terkenal lagi.

## Membeli Kerbau ke Pahang

Dengan ini tamatlah riwayat Kuala Lumpur yang kita fikir berguna diketahui tetapi kita ulas dengan riwayat hidup sahibulhikayat pula.

Katanya—saya bermaksud hendak melaaskan mata pencarian sedikit dan nampak kepada saya ialah bermiaga kerbau sebab orang di Kuala Lumpur telah ramai dan daging pun mahal. Adapun kerbau yang banyak pada masa itu ialah di Pahang.

Saya bermuafakat dengan dua orang Kerinchi lalu diadakan suatu perkongsian dengan modal \$200 seorang.

Apabila telah azam maka kami pun bertawakal kepada Allah lalu berjalan menuju ke Bentong. Jalan pada masa itu ialah mengikut kesan-kesan jejak orang dalam hutan sahaja. Kami dapat membeli hanya lapan ekor kerbau di Kampung Liri Bentong dengan harga \$20. Jauh perjalanan itu tiga hari lamanya. Kerbau-kerbau itu kami bawa balik ke Kuala Lumpur dan dengan mujurnya dapatlah sedikit untung kerana dapat dijual \$40 seekor.

Saya pergi ke Pahang bagi kali yang keduanya kerana membeli kerbau juga hingga sampai ke Lubok Terua (Semantan) dapat 15 ekor. Di Lubok Terua saya dapat pula melihat orang bertikam satu sama satu dan sama-sama (orang) Pahang. Sebahnya kata-kata orang

ialah kerana yang seorang itu enggan memulangkan amanah dari Kuala Lumpur. Kesudahannya seorang mati dan yang seorang lagi selamat. Yang mati itu ialah orang yang enggan.

Setelah membeli kerbau itu saya pun teringat hendak balik lekas melihat anak-anak saya dua orang kecil-kecil yang telah lama saya tinggalkan. Jika saya balik membawa kerbau itu nescaya lambat sampai. Oleh sebab itu, saya upahkan membawa kerbau itu kepada orang Pahang. Upahnya dua ringgit seekor dan saya pun balik dahulu.

Saya pun sampai di rumah didapati anak-anak saya ada dalam pelihara Allah. Tiga hari di belakang saya pun bertolak pula kerana hendak menyongsong kerbau yang saya upahkan itu.

Kira-kira pukul sepuluh pagi sampailah saya di Batu Tiga Jalan Ampang tiba-tiba saya terkejut mendengar bunyi meriam mulamulanya satu-satu dan jarang-jarang kemudian rapat. Di situ saya berjumpa dengan Encik Atin orang Rembau saya tanyakan kepadanya katanya, Kapitan Yap Ah Loy "sempayang". Saya terus ke Hulu Kelang bermalam di sana tetapi bunyi meriam itu tiada berhenti. Kira-kira pukul empat pagi kedengaran dua tiga letusan bagi bunyi halilintar sehingga bumi telah bergegar.

Pagi itu kemudian daripada telah minum kopi saya pun bertolak menuju Bentong. Apabila sampai di Batu Bertabur (sekarang Kelang Gate namanya) saya dapati orang di situ berkejutan bahkan ada yang berlarian disebabkan oleh mendengar letusan meriam itu yang kononnya ialah bahawa Kapitan Yap Ah Loy sedang berperang dengan orang putih di Kuala Lumpur.

Saya pun terkejut mendengar perkhabaran itu. Saya sudah jadi serba salah, jika saya tentukan kerbau anak isteri saya akan terbiar, jika saya tentukan anak-anak isteri saya barangkali kerbau saya lucut. Akhirnya, saya tetapkan bahawa wajiblah di atas diri saya menentukan anak isteri saya pada masa itu tidaklah saya peduli apakah yang akan berlaku atas kerbau-kerbau saya itu. Saya terus patah balik ke Kuala Lumpur dengan keadaan gopoh-gapah terburuburu mengikut orang ramai yang telah kusut itu di tengah jalan seterusnya saya berjumpa orang berkejutan di sana sini.

Bunyi letusan itu tak syak lagi di Kuala Lumpur rasanya. Tetapi

apabila saya semakin dekat ke Kuala Lumpur bunyi itu tidak pula semakin dekat malah orang di Kuala Lumpur tercengang pula mendengar bunyi itu. Bagaimana besar bunyinya pada masa saya di Batu Bertabur begitulah jua kedengaran pada masa saya di Kuala Lumpur. Orang di Kuala Lumpur tiada berperang tetapi menjadi ribut masing-masing membawa cerita begitu begini daripada yang bukan-bukan jua.

Petang itu bunyi itu telah senyap tiada kedengaran lagi. Keesokan harinya saya bertolak balik meneruskan pekerjaan saya menyongsong kerbau itu adalah kira-kira empat lima hari sampailah saya balik ke Kuala Lumpur dengan selamat membawa kerbau-kerbau itu.

Tak berapa lama di belakang datanglah perkhabaran dari pihak orang yang tahu bahawa letusan itu ialah letusan gunung berapi di Lampung (Sumatera) yang sampai sekarang dinamakan orang "Lampung Pecah".

## Riwayat Haji Abdullah Hukum<sup>9</sup>

### Lagi Membeli Kerbau

KATA Tuan Haji Abdullah Hukum lagi—keuntungan yang didapati daripada perniagaan kerbau itu telah menarik hati saya hendak membeli kerbau lagi ke Pahang. Saya muafakat pula dengan tujuh orang Kerinchi jadi berlapan dengan saya dan kami pun mengembara pula ke Pahang sampai ke Benta, Pulau Rusa dan Tanjung Medang kemudian tembus ke Pekan.

Dengan takdir Allah saya bertemu dengan Raja Mahmud (Kapak Cina) di Pekan bersama-sama dengan Tuan Sawyer, Tuan Rodger, Encik Mohamad Ghani dan mata-mata gelap Malim Bungsu. Ketika itu, iaitu pada malam itu Raja Mahmud dengan kawan-kawannya ada di dalam perahu dan kami berserta dengan Penghulu Bentong ada di dalam rakit. Kerana sudah lama tiada berjumpa dan berjumpa pula di tempat yang tiada disangka-sangka maka kami pun berlabun-labun dan bertanya-tanyaan semalam-malam itu sekelip pun tiada tidur lantas siang sehingga Tuan Sawyer esok harinya hairan dan bertanya kepada Raja Mahmud mengapa

kiranya kami berjaga-jaga tetapi dijawab oleh Raja Mahmud katanya saya yang membawa tuan ke mari dan saya mesti jaga tuan.

Kira-kira pukul 9.00 pagi tuan-tuan yang berserta dengan Raja Mahmud naik menghadap Tuanku Sultan Pahang. Kata-kata orang ada mesyuarat besar hari itu tetapi saya tiada tahu buah butir yang saya tahu ialah beribu-ribu orang ada di situ termasuk orang Besar Pahang.

Perniagaan kerbau kali ini berhasil juga. Kemudian saya ulangi sekali lagi berserta dengan sembilan orang tetapi malang tiada dapat membeli kerbau lagi kerana Raja Pahang hendak mengadakan lat (kenduri) yang besar kerana mengadakan perkahwinan puteranya. Oleh sebab itu, terpaksa kami mengalih langkah ke Dungun pula. Berjalanlah kami menyusur ke pantai Pahang hingga sampai ke Kuantan kemudian ke Kemaman dan akhirnya sampai ke Paka.

Dalam perjalanan kami dari Paka hendak ke Dungun itu kira-kira pukul 2.00 siang kami bertemu dengan seorang tua menggalas bakul. Sebagaimana biasa kami pun bertanya-tanya akhirnya orang itu memberi ingat kata-katanya terlebih dahulu dari kami itu ada suatu kumpulan 12 orang banyaknya telah disamun orang di tengah jalan ke Dungun itu. Penyamun itu tiada mempunyai belas kasihan katanya orang yang disamun itu ada yang mati ada yang luka jika tidak lari. Katanya lagi saya memberi ingat sahaja.

## Sahibulhikayat jadi Raja

Sepeninggalan orang tua ini kami menarik nafas panjang kerana hati masing-masing telah gentar tetapi apa boleh buat maju salah undur pun salah. Oleh sebab itu, kami suka berserah kepada Allah dan mengadu nasib. Kami pun berhenti di bawah pohon yang tendang mencari fikiran.

Salah seorang daripada kami berkata jangan susah hati kalau kita disamun orang kelak di situlah kita tanak beras kita—ertinya cubakanlah segala kepandaian silat pencak awak biar mati melawan tanda anak jantan. Kata yang seorang lagi melawan boleh tetapi

betapa hal kita kalau-kalau penyamun itu ramai dua tiga kali ganda daripada kita.

Di antara lain-lain ada yang mengesyorkan supaya diangkat seorang jadi orang besar seperti penghulu atau raja kerana adat penyamun-penyamun itu biasanya gentar menyamun orang besar dan lagi katanya elok benar ada ketua kita supaya kita disegani orang. Adatnya juga penghulu itu akan menjadi siap bagi penghulu dan raja itu bagi raja. Alangkah untungnya kita jika disangka orang penghulu atau raja apalagi kalau dapat berapat-rapat dengan orang besar.

Saya sangat bersetuju dengan syor ini. Maka saya ajukan pangkat itu kepada salah seorang lepas satu-satu lagi tetapi tiada yang sanggup. Ada di antara kami seorang yang mengerti adat raja-raja kerana dia seorang yang datang dari rumah Raja Sumatra tetapi dia enggan juga. Hampir-hampir semua kawan saya itu berkenan jika saya sanggup. Akhirnya, terpaksa saya terima kehendak kawan-kawan saya dan semenjak itu saya pun jadi rajalah konon tiada kena memasak atau mencari kayu ataupun berbeban malah saya memakai seluar Aceh, baju mintan sutera berbunga sutera juga serta lekat baju tweed kupiah Arab sebilah sundang dan sebilah keris pula. Apabila tampil begitu dibacalah doa selamat lalu berjalan tetapi hati dalam ketakutan. Allah dan Rasul-Nya sahaja yang tahu.

Dengan inayat Tuhan kami pun sampai dengan selamat ke Dungun. Mula-mula sekali kami bertemu dengan sebuah surau apalagi kami pun naik sembahyang Asar yakni-yakninya kami itu ahli ibadat jua padahal membaca *Fatihah* pun belum tahu. Lepas sembahyang, saya lihat ramai orang datang agaknya oleh kerana melihat orang dagang. Kami pandang rumah-rumah orang di situ atap nipah dan dindingnya nipah jua. Saya memberi salam kepada orang itu kemudian saya tanyakan Penghulunya. Akhirnya, kami pun dapat berjumpa dengan Penghulu lalu kami tanyakan di mana rumah Raja Muda.

Kawan-kawan saya pada masa itu bertuanku berpatik dengan saya, maklumlah saya sudah jadi raja dan penghulu itu pun memberi khabar kepada Raja Muda mengatakan seorang raja

hendak menghadap. Sebentar itu jua kami dipersilakan oleh Raja Muda ke rumahnya. Rumah Raja Muda itu atap nipah dinding papan cat kuning.

Apabila sampai pada tangga Raja Muda saya pun memberi salam lalu disahut oleh Raja Muda sambil mempersilakan dan menarik tangan saya naik. Waktu duduk di situ saya tiada tentu perasaan maklumlah belum biasa menjadi raja. Hati saya takut ada dan malu pun ada tetapi apa boleh buat kerana terpaksa. Waktu ditanya oleh Raja Muda itu saya pun mengatakan nama saya Arya Jaya Galang Negeri datang dari Kelang.

Raja Muda itu dengan hairannya berkata dia belum pernah mendengar nama Kelang dan belum pula pernah berjumpa dengan orang Kelang. Apabila ditanyanya lagi saya katakan asal saya dari Jambi. Ketika itu Raja Muda itu pun bertanyakan Sultan Tahir Raja Jambi yang rupanya dia kenal pula. Mujurlah dia tidak begitu tahu akan kaum kerabat Raja Jambi jika dia tahu barangkali tembelang kami pecah.

Saya sendiri tidak cukup tahu akan hal Raja Jambi itu. Mujur pula saya tahu dia telah tua. Oleh sebab itu, apa-apa pertanyaan saya tolak dengan mengatakan Raja Jambi itu telah tua dan saya telah lama pula meninggalkan Sumatera.

Dalam hal yang demikian, kami pun diterima dengan baik dan hidangan pun diangkat oranglah dan makanlah kami sedulang hal keadaannya saya sentiasa berdebar-debar.

Pada masa di situ saya bermalam di rumah Raja Muda manakala kawan-kawan saya tidur pada sebuah rumah yang lain. Raja Muda memberi saya seorang menjaga saya tidur itu.

Tatkala ditanya oleh Raja Muda apa hajat saya datang, maka saya nyatakan bahawa maksud kami hendak membeli kerbau atau lembu. Sebab saya telah menjadi raja maka pertuturan di antara saya dengan Raja Muda, iaitu pakai adinda dan kekanda seperti raja-raja dan semua orang bertengku dan berpatik kepada saya. Raja Muda memberitahu yang saya boleh membeli kerbau tetapi katanya hendaklah dibayar cukainya kepada Raja Mansur itu pun katanya bolehlah saya pesankan.

Kira-kira dua hari di belakang Raja Mansur pun datang. Raja Muda bertitah kepadanya membawa saya ke hulu mencari kerbau dan berpesan supaya dilepaskan daripada cukai kecuali orang saya. Raja Muda berpesan juga supaya menjaga saya katanya anak raja ini datang minta izin kepada kita dan wajib kita pelihara akan dia jika tidak kelak malulah kita. Harga kerbau yang sebesar-besar \$16 seekor, kerbau balar \$14.

Dengan titah Raja Mansur kerbau pun dibawa orang ke tepi sungai. Apalagi kami pun dapat melihat sekehendak hati. Kami dapat membeli kerbau 45 ekor dengan lembu 30 ekor.

Saya singgah di rumah Raja Mansur dan selama di Dungun adalah saya dihormati orang jangan disebut makanan bermacam-macam dihantar orang kepada saya.

Apabila saya balik ramai orang menghantar ke sempadan Dungun manakala Raja Mansur sendiri menghantar saya sampai ke Padang Janik dan di sinilah saya bercerai dengan Raja Mansur dengan bersalam-salaman.

Perjalanan dari situ ke Kuala Lumpur lamanya 16 hari. Apabila sampai ke Kuala Lumpur dagangan itu pun dijual dan saya pun tiada kuasa lagi hendak berjalan jauh dan inilah kali yang penghabisan sekali bagi saya berniaga kerbau.

## Riwayat Kuala Lumpur dan Tuan Haji Abdullah Hukum<sup>10</sup>

### Menjadi Ketua dan Menangkap Penyamun

OLEH kerana saya yang tertuanya dan jua ketua membuka hutan Sungai Putih (Bangsar Road sekarang) saya pun diangkat menjadi ketua dengan persetujuan Penghulu dan Tuan Collector (*Collector of Revenue*) dan saya pun digelar orang Datuk Dagang (pada masa sekarang ketua-ketua itu dinamakan Tuk Empat).

Kata Tuan Haji Abdullah Hukum lagi—apabila saya tiada kuasa lagi hendak menggalas kerbau maka saya pun membulatkan haluan menghadap perkebunan tetapi oleh kerana saya menjadi ketua terpaksalah saya banyak membuat pekerjaan luar seperti menghadiri nikah kahwin, menghadiri muafakat masjid, menyelesaikan pertengkaran-pertengkaran kampung terkadang-kadang dipanggil oleh Penghulu, oleh Tuan Collector dan terkadang-kadang menyertai istiadat menjunjung duli Tuanku di istananya di Kelang apalagi pada masa ada keramaian di istana seperti nikah kahwin putera atau puteri Tuanku.

Kira-kira pada tahun 1905 Tuan Besar Polis masa itu namanya Tuan Cuscaden. Pada suatu pagi masa saya tengah bekerja memotong kayu di dalam hutan saya terkejut mendengar Cina menjerit-jerit minta tolong serta memekik mengatakan pencuri dan penyamun. Entah bagaimana empat orang Cina yang dikejar orang itu lalu tiada berapa jauh daripada saya. Saya pun sama mengejar di belakang sehingga dapat saya tangkap seorang. Yang saya tangkap itu rupanya ada menaruh pistol mujur saya tiada ditembaknya. Ketika bergomol-gomol itu pistol itu dicampakannya ke dalam sungai. Kawannya yang tiga orang lagi itu lepas lari dan yang seorang saya tangkap itu saya hela ke Rumah Pasung. Akhirnya Cina itu dihukum jel. Lepas bicara Tuan Besar Polis, iaitu Tuan Cuscaden memberi baksyis (sagu hati) kepada saya banyaknya \$100.

Kira-kira dua tiga bulan di belakang kira-kira pukul 9.00 malam waktu saya di rumah, saya terkejut pula mendengar orang menjerit minta tolong dari arah jambatan Batu 15. Saya bersegera turun, saya dapati seorang mata-mata Benggali sedang bergumpal dengan seorang Cina. Sungguhpun Cina itu ada memegang pistol tetapi tampaknya tak dapat menembak. Saya pun tiada berlengah menolong Benggali itu dan Cina itu pun saya pukul. Akhirnya Cina itu dapat ditangkap rupanya kepala penyamun tetapi mati pada kesokan harinya.

Kemudian Tuan Cuscaden juga memberi saya baksyis wang tunai sebanyak \$5 dengan selaras senapang yang dinamakan orang Senapang Kopak, iaitu bangsa senapang mata-mata zaman Perang Pahang dahulu. Nombor senapang itu 311 bangsanya sebagaimana yang tertulis (*Enfield*). Senapang ini ada pada saya hingga hari ini saya simpan baik-baik.

## Mendapat Pencen

Kira-kira tujuh atau lapan tahun di belakang saya pun penat rasanya menjadi Ketua itu sebab badan saya telah uzur rasanya umur saya sudah lebih 70 tahun. Maka pada 13 Januari 1912 saya pun

menghantar surat kepada Tuan Collector menyerahkan pangkat Ketua itu lalu diterima oleh tuan itu dan semenjak itu tiadalah saya jadi Ketua lagi.

Kemudian dengan sokongan di antara Tuan Creason atau Tuan Boyd pada 1 Ogos 1922 saya pun dikurniakan pence yang saya terima hingga masa ini.

## Pulang ke Sumatera

Semenjak saya telah menjelajah tanah Semenanjung ini saya tiada pernah balik ziarah ke Sumatera melainkan pada tahun 1929. Pada masa itu saya telah tinggal di sini kira-kira 80 tahun dan pada suatu ketika berbangkit keinginan hati saya hendak ziarah ke negeri tempat tumpah darah saya. Maka saya pun berkira dengan anak cucu saya kebetulan pada masa itu saya ada mempunyai motokar jenis Dodge. Oleh kerana perjalanan saya itu akan meliputi beribubribu batu saya tetapkan membawa motokar supaya lebih senang berjalan dari satu tempat ke satu tempat.

Saya bertolak dari rumah saya pada bulan Disember 1929 menuju Belawan (Deli) berserta dengan isteri saya, seorang budak cucu saya dan dua orang anak saya, iaitu Mahmud dan Haji Abdul Samad. Kedua-dua anak saya ini dicadangkan sebagai pejalanan motokar. Dari Belawan mulailah pakai motokar berhenti semalam di pekan bernama Siantar. Pagi esoknya tertolak pula sampai ke Kota Nopan (Mendahiling) kira-kira pukul 2.00 petang. Pagi esok terus ke Rawa-Rawa Kemanga (Minangkabau) singgah di tempat Tuan Haji Abdul Samad ayahanda bagi Almarhum Tuan Haji Muhammad Taib J.P., Kuala Lumpur. Di situ bertemu dengan Tuan Haji Muahyuddin, iaitu menantu Tuan Haji Muhammad Taib itu (sekarang tinggal di Pudu Road Kuala Lumpur). Esok harinya saya berangkat ke Padang tiba di situ waktu zuhur lalu bermalam. Pagi esoknya pula sampai di Batang Kapas sampai pukul 2.00 petang. Perjalanan diteruskan sampai di Air Haji pukul 1.00 malam terpaksa berhenti tambahan pula air bah pada masa itu.

Pada keesokan harinya tiada bertangguh lagi bertolak terus ke Tapan.

Apabila sampai di Tapan seolah-olahnya saya telah tiba di negeri saya kerana perjalanan itu hanya kira-kira tiga empat jam lagi, tetapi oleh kerana jalan besarnya kecil dua buah motokar tak boleh berselisih oleh itu kami terpaksa menanti motokar yang turun dari Kerinchi itu kerana hendak mengelakkan jangan berdampik di tengah jalan.

Oleh kerana memang akan menunggu dan kebetulan pada masa itu Hari Bali Situ (hari perhimpunan pekan), maka saya pun berjalan-jalan melihat pekan itu. Saya dapat beribu-ribu manusia berjual beli semuanya daripada bangsa Melayu daripada berbagai-bagai bangsa. Di situ saya lihat segala perniagaan dan pertukangan dipegang oleh orang Melayu semata-mata. Tukang-tukang besi, tukang ayan, tukang tembaga, malah tukang pangkis (tukang cukur) pun Melayu belaka. Serba rupa kain-kain boleh didapati semuanya tenunan orang Melayu. Begitu pula hidup-hidupan seperti kerbau, kambing, ayam, itik dijual orang Melayu belaka. Pendeknya, pada pendapat saya pekan itu bukan sahaja ahli penjual dan pembeli di situ semuanya Melayu tetapi ialah juga warna dan baunya semua Melayu.

## Sampai ke Rumah

Kira-kira tengah hari itu motokar yang turun dari Kerinchi itu pun sampai dan setelah diketahui bahawa tiada motokar di belakangnya lagi maka saya pun berlepas pula sampai di kampung pada pukul 4.00, lalu naik ke rumah saya yang saya tinggalkan kira-kira 80 tahun dahulu.

Tidaklah dapat saya perikan—kata Tuan Haji Abdullah Hukum—bagaimana sayunya hati saya ketika itu, iaitu ketika tergambar-gambar di hadapan mata saya telaga dan tempatnya serta halaman di mana saya telah berseronok-seronok dengan rakan-rakan saya laki-laki dan perempuan 80 tahun dahulu pada

hal tak seorang jua pun yang tinggal lagi boleh berceloteh sepatah dua jangankan yang tertua yang sebaya dengan saya pun semuanya telah berpindah ke negeri yang baka. Yang ada hanyalah pangkat anak dan cucu.

## Ziarah Kubur

Dua hari di belakang saya pun ziarah ke kubur ayahanda saya di Gunung Kelikir namanya, iaitu suatu tempat yang tertinggi mendaki kira-kira setengah batu. Sebagai kenang-kenangan maka saya tanam batu nisan.

Kemudian saya melawat pula suatu tempat bernama Kota Tebat di mana adanya suatu makam yang dipuja orang sebagai keramat yang besar.

Saya dapat izin masuk ke dalam, saya dapati di dalamnya penuh dengan panji-panji ada yang kuning ada yang putih bergayutan di sana sini.

Saya dipandu oleh orang di situ kepada suatu batu besar di mana kononnya ada kesan tangan keramat. Banyak orang di situ meminta pertolongan kepadanya kononnya ada jin di situ. Oleh kerana pada pengajian saya perbuatan yang demikian itu karut dan boleh jadi syirik entah bagaimana saya telah jadi terlanjur menista ketua-ketua kampung di situ lalu saya katakan bodoah dan macam-macam lagi sehingga saya diberi nasihat oleh orang di situ jangan takbur kepada keramat itu ditakuti kelak kena kutuk seperti sakit atau bencana-bencana lain. Saya pun bertambah marah lalu saya menepuk dada dan berkata jika betul ada jin yang tuan-tuan sembah itu marilah makan saya ini. Dan lagi kata saya tiada disembah melainkan Allah (s.w.t). Di malam itu saya jerumuskan batu itu dan perasapan-perasapan di situ pun saya lempar-lemparkan. Akhirnya saya beri nasihat kiranya orang di situ menjauhkan diri daripada kepercayaan yang membawa kepada kesesatan. Rasanya sampai sekarang jin itu tiada mendatangkan apa-apa bencana kepada saya.

Saya duduk di rumah di kampung saya itu (Kampung Abu) hanya selama enam hari empat malam sahaja. Saya pun bertolak balik dengan motokar itu jua sampai di Belawan tergendala sedikit kerana mengambil wang dhaman (pendahuluan) tatkala masuk dahulu.

Jumlah minyak benzin pergi balik kira-kira 230 gelen dan jauh perjalanan yang ditempuh waktu pergi kira-kira 2060 batu. Inilah kali yang awal saya balik ke Sumatera dan barangkali inilah jua kali yang akhir. Semenjak itu berkekalanlah saya tinggal di kampung saya Bangsar Road hingga hari ini.


## Anak Cucunya

Dengan itu tamatlah riwayat Kuala Lumpur dan riwayat Tuan Haji Abdullah Hukum itu yang bukan sahaja telah menempuh berbagai-bagi perjalanan hidup di dunia tetapi ialah jua seorang bapa yang berjasa. Anaknya di antara laki-laki dan perempuan berjumlah 18 orang. Cucunya pada masa ini berjumlah 53 orang dan cicit baharu 17 orang tetapi jika dipanjangkan Allah (s.w.t.) umurnya sedikit lagi harus-harus akan mempunyai oneng-oneng.



Kampung Abdullah Hukum masa kini dan  
akan berubah wajah ke arah pembangunan abad ke-21.





## Nota Hujung

<sup>1</sup> *Warta Ahad* (Jawi) diterbitkan di Singapura pada 5 Mei 1935 oleh Warta Malaya Press Ltd. (Syed Hussein Ali Alsagoff) Datuk Onn Bin Jaafar ialah pengarangnya dari 5 Mei 1935–Disember 1935. Lihat A.M. Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu 1876–1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

<sup>2</sup> Lihat Lampiran.

<sup>3</sup> Untuk keterangan lanjut tentang beliau, lihat Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874–1895*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1970 dan J.M. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur 1857–1939*, Petaling Jaya: Eastern University Press, 1983.

<sup>4</sup> *Warta Ahad*, 6 Oktober 1935, hlm. 5, 6, 19 dan 20.

<sup>5</sup> *Warta Ahad*, 13 Oktober 1935, hlm. 7, 8 dan 18.

<sup>6</sup> *Warta Ahad*, 20 Oktober 1935, hlm. 7, 8 dan 17.

<sup>7</sup> *Warta Ahad*, 27 Oktober 1935, hlm. 7 dan 8.

<sup>8</sup> *Warta Ahad*, 3 November 1935, hlm. 9 dan 10.

<sup>9</sup> *Warta Ahad*, 10 November 1935, hlm. 5 dan 6.

<sup>10</sup> *Warta Ahad*, 17 November 1935, hlm. 9, 10 dan 16.





# Indeks

**A**  
Abdul Rahman 3  
Air Panas 4

Ampang  
Road 14  
Street 4, 28

Arya  
Jaya 1  
Jaya Galang Negeri 41  
Asi 12

**B**  
Baki 30-1  
Bangsar Road 30, 43,  
48

Batu  
Lane 30  
Lima Setapak 4

Boyd 45  
Bukit  
Bintang 28  
Mahkamah 12, 14  
Nenas viii, 30, 34  
Timbalan 21

**C**  
Che  
Din 30  
Halus 6  
Soh 31  
Checking Station 22  
Cik Putih 20-1  
Collector 43, 45  
Creason 45  
Cuscaden 44

**D**  
Datuk  
Abdullah 3, 30  
Bandar Patok 6  
Dagang 3, 43  
Dagang Ronggok 6  
Kelana Sendeng 3  
Maharaja 30  
Muda Sulaiman 15  
Penggara 22  
Sati 31  
Simpan 35  
Douglas 28

**E**  
Engku  
Mahmud 14-9  
Sutan 13  
Tua 24-5

**G**  
Gian Singh 30  
Ginti Ali 19, 26

**H**  
Haji  
Abdul Ghani 4  
Abdul Rahim 2  
Abdul Samad 17-8, 30,  
45  
Abdul Samad Kecil 30  
Abdul Samad Panjang  
30  
Abdullah Hukum  
vii-ix, 2, 4, 17, 20,  
22, 24, 26-7, 30,  
33-4, 38, 43, 46,  
48

## ■ Indeks

- Abdullah Panjang  
Hashim 30
- Arshad 24, 30
- Kechil 31
- Mansur 24
- Muahyuddin 45
- Muhammad Ali 30
- Muhammad Salleh 17
- Muhammad Shah 24
- Muhammad Taib J.P. 45
- Zainal Abidin 30
- Hajjah Farimah 30
- I**
- Imam
- Muhammad 31
  - Perang Alam 24
  - Perang Mahkota 15
  - Perang Malim 12
  - Perang Mangku 24–5
  - Perang Mat Aris 19
  - Perang Muhammad Arif 34
  - Perang Raja Berungun 12
  - Perang Selaghdad 12
  - Perang Seri Handalan 12
- J**
- Java Street 4, 28, 30
- K**
- Kapitan Keledek 12
- Khatib Raja 19, 26
- L**
- Lorong Ceti 4
- M**
- Malim Bungsu 38
- Market Street 4
- Mat
- Saman 31
  - Saman Datuk Gajah 15
- Maxwell 30
- Mohamad Ghani 38
- Muhammad
- Arif 35
  - Rukun 1
  - Salleh 17
- O**
- Old Market Square 12
- Orang Kaya
- Jeli 15
  - Pahlawan 15
  - Temerloh 15
- P**
- Panglima
- Garang Ishak 15
  - Kim 14
  - Muda 12, 26
  - Muda Segara 12
  - Muda Sepajar 24
  - Raja 12
- Perang
- Cheras 6
  - Kuala Lumpur 9, 19
  - Pahang 15
- Pudu Road 12
- R**
- Raja
- Alang 8
  - Amin 13
  - Asal 12, 20
  - Betayun 8, 17, 22
  - Bernang 12
  - Bilah 4, 9, 12
  - Bot 26
  - Bugis 8
  - Ira 12
  - Kahar 26
  - Laut 27, 31, 35
  - Layang 14–5, 17–8, 21, 34
  - Mahmud viii, 14–5, 17–8, 22, 24–5, 30, 32, 38–9
  - Mampang 22
  - Manan 22, 24
  - Mansur 41–2
  - Mas 31
  - Mengampang 8
- Muda Selangor 27
- Othman 12
- Syam 26
- Utih 34
- Yusof 26
- Rodger 34, 38
- S**
- Samaripun 12
- Sawyer 28, 38
- Sekancing 2
- Serambut 4
- Setapak 6, 27, 35
- Sidi Raja 12
- Simmon 31
- Sultan
- Abdul Samad ix, 6, 8, 26, 31, 33–4
  - Bangkahulu 13
  - Muhammad 27
  - Tahir 41
- Sungai Putih viii, 30–1, 43
- Sutan Puasa 4, 12, 14, 30
- Syed Sohor 14
- Syeikh Muhammad Ali 17, 19
- Taib 17, 19
- T**
- Tambi Abdullah 3
- Tengku
- Laut 22
  - Mahmud 19, 22
  - Panglima Raja 22
- Tuk
- Alam 35
  - Bela Sungai Cantik 34
  - Dagang Dianjuk 34
  - Setapak 34
  - Ungku Kelang 13
- V**
- Wan Cilik 3
- Warta Ahad vii, 2, 33
- Weld Hill 21
- Y**
- Yap Ah Loy ix, 12, 14, 28, 36



## Lampiran





# وَرْتَلْخَدْ

## رواية کوالا لمفور 24 تاهون سبلوم فرناؤ غن بریتیش (ددالم ایغاتن سئورغ يعثوا سکالی)

مليينكن سوات ايغان يع کيت  
فيكرکن بوله مندانغ肯 سرونوق  
کفت فمباج ۲ کيت المختربين  
(يع دحرماتي) تراوتام سکالي  
اوله کران رواية اين برکأية دغۇن  
چريتا ۲ فرغ ملايو زمان کري  
دان فمورس.

بليو براصل دري قريه سوغى  
ابو ججاھن سوغى فنوه نكري  
كرنچىي (سمترا). نماڭ يعاصل  
يأيت نام يعديرى كفدان اوله  
نينيق ممأن كتىك مغرة فوستن  
منورت عادە ملايو اياله محمد  
روكون دان كمدين دكلىر منورە

فرايغان - لبه دهولو هندقلە  
کيت معاکو بهوا رواية کوالا  
لمفور يغاڭن کيت هيدىغىن  
دباوە اين بوكتىلە ميمۇغ تله  
ترتوليس تتسافى کيت تورنكىدى  
درفت ایغان سئورغ يع بوله  
دهيتوغ سباڭي سئورغ يعترتوا  
سکالىي داتارا بيراف باپق  
فجاجە يع مېلغىكارا كتانە  
سمىنجوغ اين فدزمان دهولو  
درى گوكوسن فولو ۲ ملايو  
اولهسبب ايت هندقلە کيت  
معاکو جوا بهوا رواية ايت  
بوكتىلە فول تارىخ يعترسوسن

1874 دان 61 تاهون دباوه  
فرنته اغکریس (874 سمفي  
1935).

سغکهفون سکارع بليو  
برعمر 100 تاهون دان  
سغکهفون تله دخوسر اوله عذر  
توان تافی ماسیه تکف جك  
دبندیغ کفداورع ۲ یغترمودا دوا  
تیک فوله تاهون درفاداڭ بليو  
ماسیه ترس متروس بولیه  
سمبییغ جمعة کمسجد اتو  
محاضري خندوري ۲ یغپس  
اتو فون مجلس ۲ شرح برکنار  
دغۇن اكام واما ایشاتىن ماشاء الله  
بليو چوكف ممفوباي ايشاتى  
يغصحة سەھىك بليو بوله ايش  
کفدا نام ۲ دان بعسا صحابة دا  
راكنى يغتلە برقبور انم توجه فوا  
تاهون دھولو استميوا لاڭ  
سسوات كجادين يغقاتوة دكتى  
فدى تىمفة ۲ يغقاتوة دايغاتى  
بارغکالى تىدق منچافي کفدا  
ففاتە عرب "فرکارا حفظ ايت  
سيسي اورع ۲ یغبوت."

ساتو درف فركارا ۲۱ یغساغى  
دسوکاي بليو اياله برقشه. ج

عادة جواباڭي اريا جاي. بليو  
دافة منونىكن فرض حاجىن  
کېيت الله الحرام دري سلاڭور  
دغۇن سبواه کفل افي يعمولا ۲۱  
سکالىي بلاير كجده مەشكىتىكىن  
کفل ۲ لاير زمان ايت دان برگلر  
فول دفادغ عرفه سباڭي حاج  
عبدالله حکوم يأيىلە نماڭ  
يغترمشەور سکارع اين. سدغ  
ايەندان برنام سکنچىغ ارتىش  
"كونچىي فتو" برگلر توء فەڭكۈ  
دان كەمدىنىڭ مندافة ڭلارن حاج

عبدالرحيم دفادغ عرفه.

بليو تا دافة منزۇكىن تارىخ  
برانقۇن تافى چوكف اىيغە کفدا  
ماس بىداڭىن كتانە ملايىو اين  
دالىم تاهون 1850 فد ماس  
برعمر كىرا ۲۱ ۱۵ تاهون دان  
سەنچىق ايت هەنگى سەمفي ماس  
سکارع بليو ككل ديم دىسىن.

منورە كىتراڭن ايت بەھۋاتوان  
حاج عبد الله حکوم ايت فد ماس  
اي تله بىر عمر 100 تاهون دان  
تله تىيەنلىك دسلاڭور سلما 85  
تاهون داتشارا 24 تاهون دباوه  
فرنته ملايىو (1850 سەمفي

عبدالله يعتركتل کای دکوالا  
لمفور دان برکلر "داتوء عبدالله"  
ادفون کتوأن اورغ ۲ ملاک ماس  
ایت ایاله وان چیلیق نماڭ تیڭل  
دسمابوق باتو تیڭ نکرى ملاک  
ماس ایت میمۇڭ تله تعلوق دباوه  
فرنته اغڭىرس فكىنچ كچىل  
سهاج اد سدىكىيە ۲ رومە باتو  
ایتفون رنده ۲ دان سفاروه رومە ۲  
ایت بتول دتفىي فتىي ملاک.  
فرنىڭان ماس ایت باپق دتاغۇن  
اورغ ملايو يعني اورغ ملايو له  
بركدىي کاين دان منجوال مکانىن.  
اد جوڭ چىنا بركدىي منجوال  
سايور. برس ماس ایت داتۇغ  
درى لوار نکرى كادائىن مىرىه  
تتافىي برس كلوارن نکرى فوتىيە  
دان بايك. اد جوڭ سدىكىيە ۲  
اورغ كرنچىي منچارىي رزقىي  
دىستيتو.

ستله بىرھەتىي تیڭ هارى  
لماڭ دملاك ایت مك كامىي فون  
برلاير فول دېن سبواه نادىل  
منوجو فەتكالىن كەفس. نادىل يۇ  
كامىي توەمۇق ایت مەموۇڭكە کاين  
دان لائىن ۲ بارغ دەتكالىن كەفس

دتاث باليو اكن كليهاتن ساعە ۲  
بركىرغۇ منچرىتاكن روایة  
ھيدوفۇن يعتلە لالو يعەمۇندۇغۇي  
برباڭى ۲ سعسارا دان كچىمىسىن  
يۇمۇرمۇكىن تەشكۈء يعتلە  
دەتمەفوھەن.

فە ماس اين بارغكالى تىدق  
اكن ددفاتىي شۇرۇغ توا يعېبۈلە  
منچرىتاكن روایة كوالا لمفور  
لبە درى بلىسو. دالىم سوات  
فرجمفان خاچى بهارو ۲ اين  
توان حاج عبدالله حکوم تله  
برقصە كەدوکىل "ورت احد"  
سفرت برايکوۋە:

فە ماس ساي بىرعمۇر كىرى ۲۱  
15 تاھون ساي دباوا بىرداڭىغۇ  
اولە اىھەندا ساي منىغىڭىلەن  
نکرى. كامىي كلوار درى تانە  
سىمترا ملالوئىي فكىن بهارو  
(سياك) دېن سبواه سكۈچىي  
بلاير منجو تانە سەمنجۇغ دان  
منىفە كەملەك دالىم تاھون  
1850. افييل سەمفي دملاك مك  
كامىفون منومقۇ درومە داتوء  
داڭىغۇ برنام حاج سعيد يأيت باف  
سودارا باڭىي المرحوم تمبىي

برهتي فول. ادفون جاوهن  
فرجلانن ايت اياله تيڭ هاري  
تيڭ مالم. ساي مولا ٢٠ مليهه  
كجادين يعدهشة افبيل سمفی  
دكاجع يأيت مليهه فرلاونن  
سنجالات يعدنماكن برتیکم.  
شورغ سمفی ماتی دتیکم اوله  
اورغراامي دان دارهن مثالير  
سببن اياله كران فرمفوان. اخرن  
كاميفون سمفیله دكوالا لمفور  
لالو منومفع درومه حاج  
عبدالغني اورغ اير باعيس  
بركدي (دواوا ستريه سكارغ).

**فمنداعن دكوالا لمفور**  
كوالا لمفور ماس ايت سيبوق  
چارازمان دهولو. اد دوا لورغ  
سهاج يأيت جاوا ستريه دان  
مركيه ستريه سكارغ منكلا امففع  
ستريه (لورغ چيسي) يع رامي  
سكارغ اين ماسيه كولم ايكن  
دفوپاي اوله المرحوم سوتنه  
فواس.

روم ٢٠ كدي ماس ايت اتف  
برتم دندفع فلوفوه (بولوه) دان  
اورغ ٢٠ يع برنياڭ دسيتو سفترت

دان كاميفون نايك كداره. ساي  
معممبل اووه معكالس كاين دري  
فعكالن كمفوس كسوغي اوچع  
اوھەن سکاتي ليم سين سهاج  
درى سورغ سوداڭر كاي اورغ  
كرنچي برنام حاج عبدالرحمن  
دان دغۇن جالن ايتله كامي سمفی  
دسوغى اوچع.

برهتيله ساي دسوغى اوچع  
سلما ٨ هاري دغۇن مقصود  
هندق منچاري فكرجان تنافي تا  
دافه. ماس ايت سوغى اوچع  
بلوم ماسوق دباوه فرنته  
اغڭريس دان فمرنهن اياله  
المرحوم داتوء كلان سندىع  
نماث. چينا تله اد ممبوك لو مبوغ  
دسيتو دان سبب تياد فكرجان  
مك كاميفون برايدر منوجو  
كوالا لمفور كران كات ٢ اورغ  
باپق فكرجان دكوالا لمفور بوله  
برتام سايور دان بوله ملمفن.

كتىك ايت اد فول كمفولن  
اورغ ٢٠ معكالس كاين هندق  
براغكە ككوالا لمفور مك كامي  
تومفعله كمفولن ايت. برجالن  
ايکوہ برجالن دان برهتي ايکوہ

ممباير چابوہ 10 کنٹھ فادی فد  
تیف ۲ سراتوس کنٹھ (10  
فراتوس) کفڈ سوتن فواں افیبل  
هابس موسم منوای. کیران  
ممباير چابوہ ایت تیدق بکینتو  
کرس هاڻ معيڪوہ فشاڪوان  
ماسيع ۲ اورُغ يڻ برساوه سهاج.  
فنديقڻ براف يڻ دهترکن اورُغ  
کفداڻ اپتو له دتريمان.

لفس درف دمعبيل اوڻه  
ممبواه تالي اير ايت ساي ملمفن  
دستافق برڪالن کير ۲۱ تيڪ  
ناهون لمان. ماس ايت تياد اف ۲  
هورو هارا دالم کوالا لمفور  
سموا اورُغ ۲ ملايو تيٺڪل دالم  
امان دان تتوأن سموان اورُغ  
مندهيليه.

### فرغ چرس

فرڪادوهن یعمولا ۲ ساي ايٺه  
ایاله ڏچرس. چرس فد ماس  
ایت دباوه فرنته داتوء بندر فاتوء  
نماث. داتوء داڪڻ روڻگنوء نماڻ  
اورُغ باتو بارا داتُغ دري سبله  
کلُغ دغٽن سکُل هلبالُغ ملغُڪر  
چرس. فرغ فون فجه مك کدوا ۲۱

منجوال کاين ۲ دان مکانن  
سموان اورُغ ملايو یايت بعشما  
راوا دان مندهيليه دان کتوأن  
ماس ايت اياله سوتن فواں دان  
راج بيله. کدوا ۲۱ کتوا اين  
معوقيف حاصل داڪڻ یغلالو  
ليتس ملالوئي سوغى ڪلُغ اتو  
سوغي ڪومب. ادفون چوکي  
تيمه اياله سرعڪيه سبهارا (تيڪ  
فيڪول).

ادفون ستافق سكارُغ دھولو  
سوغي تافق نمان دان اولو  
ڪومب سكارُغ اير فانس نمان.  
مڪ سوتن فواسله يڻ ممبوك  
ساوه فد کدوا ۲۱ تمفة اين. تو ان  
حاج عبدالله حکوم برکات لاڪي  
- ساي ايٺه مغمبيل بهاڪين  
غمبيل اوڻه ممبواه تالي اير  
دسرمبوا (باتو ليم ستافق  
سكارُغ) دان جوڻ دلائين ۲ تمفة  
داوه اوله سوتن فواں.

ساوه یڦدبوبک سوتن فواں  
ایت موده سهاج. افبيل تالي اير  
سدھ سيف مڪ اورُغ رامي  
بارُغسياف سهاج بوله ممبواه  
ساوه تاتفاق شرطڻ هندقله

كمدين فنده كتمفة لـأين لـالو  
برفولعـ كـرحمـة اللهـ.  
ادـفـونـ رـاجـ سـلاـغـورـ مـاسـ  
اـيـتـ ايـالـهـ المـرـحـومـ سـلـطـانـ  
عبدـالـصـمـدـ بـرـسـمـاـيمـ دـبـنـدرـ لـاغـةـ  
(ـكـوـالـاـ لـاغـةـ). دـسيـتـولـهـ تـمـفـةـ  
اوـرـغـ 2ـ بـسـرـ مـعـادـفـ اـتوـ مـثـريـماـ  
تيـتهـ اـفـ 2ـ بـغـ هـنـدـقـ دـبـواـهـ. فـرـكـارـاـ  
مـمـتـاـ تـاـنـهـ هـنـدـقـلـهـ دـغـنـ كـبـنـارـنـ  
سـلـطـانـ دـانـ جـكـ اـدـ اـفـ 2ـ بـچـارـاـ  
سـفـرـتـ فـرـکـادـوـهـنـ دـسيـتـولـهـ  
دـفـوـتـسـكـنـ اـتوـ دـبـرـيـ اـمـارـنـ بـکـيـتوـ  
جوـاـ فـعـادـوـانـ 2ـ فـرـکـارـاـرـمـفـسـ اـتوـ  
فرـبـونـهـنـ.

فرـکـادـوـهـنـ اوـلوـ لـاغـةـ  
کـیـرـ 2ـ1ـ دـالـمـ تـاهـوـنـ 1858ـ اـدـ  
. سـثـورـغـ بـرـنـامـ رـاجـ بـوـکـیـسـ اوـرـغـ  
منـدـھـیـلـیـغـ تـیـعـکـلـ دـکـاجـعـ. اـدـ  
سـثـورـغـ لـایـنـ اوـرـغـ منـدـھـیـلـیـغـ  
جوـکـ بـرـنـامـ رـاجـ مـعـمـفـغـ تـیـعـکـلـ  
داـولـوـ لـاغـةـ.

راجـ مـعـمـفـغـ اـدـ مـمـفـوـپـأـيـ  
لمـفـنـ دـاـولـوـ لـاغـةـ دـغـنـ كـبـنـارـنـ  
يـعـمـهاـ مـلـيـاـ سـلـطـانـ عـبـدـصـمـدـ  
منـورـةـ فـرـبـهـاـسـ زـمـانـ اـيـتـ سـدـهـ

فيـهـقـنـ فـوـنـ مـعـادـوـ سـنـجـاتـ  
سـفـرـتـ کـرـیـسـ دـانـ سـوـنـدـغـ اـدـ  
سـتـعـهـ هـارـيـ لـماـنـ. بـاـپـقـ کـدوـاـ 2ـ  
فيـهـقـنـ لوـکـ دـانـ دـاـتـوـءـ بـنـدـرـ فـاتـوـءـ  
کـنـاـ سـلـیـاـغـ فـدـ اوـرـةـ تـاـغـنـ کـانـنـ  
تـتـافـیـ تـیـادـیـعـ سـمـفـیـ مـوتـ. اـخـرـ  
فيـهـقـنـ دـاـتـوـءـ بـنـدـرـ فـاتـوـءـ فـوـنـ  
تـیـوـاـسـ دـانـ لـارـيـ. مـکـ چـرـسـ  
فـوـنـ الـهـ دـرـمـفـسـ اـولـهـ دـاـتـوـءـ دـاـکـعـ  
روـغـکـوـءـ سـکـلـ هـرـتـ بـنـداـ  
تـرـمـاسـوـقـ سـثـورـغـ فـرـمـفـوـانـ جـنـداـ  
نـامـ چـیـءـ هـالـوـسـ دـتاـوـنـ دـانـ  
دـبـاـوـاـنـ بـالـیـکـ کـکـلـعـ.

ادـفـونـ دـاـتـوـءـ بـنـدـرـ فـاتـوـءـ اـیـتـ  
اـفـبـیـلـ تـلـهـ کـنـاـ فـارـهـ اـیـفـونـ جـاتـوـهـ  
کـسوـغـیـ لـاغـةـ کـاتـ اوـرـغـ تـلـهـ  
مـاتـیـ. تـتـافـیـ یـعـسـیـبـرـنـ اـیـ هـاـپـوـتـ  
دانـ دـافـةـ نـایـکـ فـدـ سـوـاتـ تـنـجـوـغـ  
اـفـبـیـلـ فـرـاـهـوـ لـالـوـ اـیـفـونـ مـنـوـمـفـغـ  
کـکـاجـعـ لـالـوـ بـرـهـوـبـةـ.

اـفـبـیـلـ چـرـسـ تـلـهـ مـنـجـادـیـ  
فـادـغـ تـکـوـکـورـ دـیـعـکـلـکـنـ اـولـهـ  
مـوـسـهـنـ مـکـ سـکـلـینـ اوـرـغـ  
یـغـلـارـیـ تـادـیـ مـاـسـوـقـ بـالـیـکـ  
دـدـفـاتـیـ تـلـهـ تـیـعـکـلـ ابوـ سـهـاجـ.  
داـتـوـءـ بـنـدـرـ فـاتـوـءـ بـالـیـکـ تـاـفـیـ

دافة چف نماڻ کمدين راج بوگیس یعدکاجع ایت هندق ممبوك لمفن فول دسبله اولو سوغي لاغه تafari دبته کرس اوله راج معمفع. منوره عادة زمان برکریس دهولو کتیک ایت واجب دهونس سنجات. مك راج بوگیس فون دغۇن سکرا مندیریکن سبواه کوبو یايت فد سوات تمفه دکه باتو 13 سكارغ. منکلا راج معمفع توره مندیریکن سبواه کوبو فول دلمفن ایت یايت دمسجد اولو لاغه سكارغ.

فرگادوهن ایت لبه هيبة بوپىش کران بوکن سهاج برسنجات کریس دان تومبق تafari ادفاکي مریم سنافع دان فمورس. تىك بولن لمائ سام 2 برکرس هشك باپق يع ماتي انتارا کدوا 21 بله فيهقىن دان ستورغ درف د

کفلافرغ راج بوگیس کنا فاره. فرگادوهن ایت اکن منجادي لبه دهشة جلک تيدق کران راج برايون شورغ مندهيلیغ جوئي داتغ دري کاجع. (ادفون راج برايون ترسبوه ایاله ایهندرا راج الع يغترکتل دسلامغور دغۇن کياث دان ایاله يع موقفکن سبواه مسجد دبرانغ برهرك لبه درف د \$30,000 سيف كير 21 توجه دلافن تاهون دهولو).

راج برايون تله مغربانکن ديرىش منجادي اورغۇتعە ممامەمکن فرگادوهن ایت. کفوتسىش ایاله بهوا تانه لمفن ایت دفولغۇكن کفدراج معمفع دان فرگادوهن ایتفون فادم. [اکن دايىريغى دغۇن رواية فرغ کوالا لمفسور دالىم کلوارن يغاکنداتغ].

دېتىق درف دورت احمد 6 اكتوبر 1935.

# ورت اخـد

## رواية کوالا لمفور فـ دـ فـ عـ هـ وـ جـ فرنـته مـ لـ اـ يـ

رزقی دغـن جـالـن مـعـمـبـیـل اوـفـه  
معـهـایـوـن باـتـع چـعـکـول دـان جـوـکـی  
مـپـمـبـوـة بـوـرـوـغـن (کـونـتـرـیـقـ)  
مـمـبـوـاـة باـتـس دـفـوـپـایـ اـوـلـه سـٹـوـرـغـ  
یـعـتـرـنـام بـرـنـام رـاجـ بـیـلـهـ.  
دـالـمـاس سـایـ بـکـرـجـ اـیـتـ  
دـغـن سـکـوـبـیـعـ ۲ اوـدارـا اـمـانـ یـعـتـنـعـ  
ایـتـ تـلـهـ بـرـتـوـکـرـ منـجـادـیـ هـیـبـوـهـ  
بوـکـن سـهـاـجـ دـاـولـو کـلـعـ تـتـافـیـ  
ایـالـهـ جـوـاـ دـامـفـعـ دـان دـکـوـاـلـاـ  
لمـفـورـ. دـسانـ سـینـیـ اـورـغـرـامـیـ  
برـچـاـکـفـ دـان بـرـبـیـسـیـقـ تـتـافـیـ اـنـتـهـ  
افـ بـیـجـیـ بوـتـیرـثـ سـایـ تـأـهـوـ

فرـغـ کـوـاـلـاـ لمـفـورـ  
مـپـمـبـوـغـ روـاـيـةـ کـوـاـلـاـ لمـفـورـ 24  
تاـهـوـنـ سـبـلـوـمـ فـرـنـاؤـغـنـ بـرـیـتـیـشـ  
یـعـتـرـمـوـاـةـ دـالـمـ "ورـتـ اـخـدـ"  
یـعـبـهـارـوـ لـالـوـ، تـوـانـ حـاجـ عـبـدـالـلـهـ  
حـکـومـ تـلـهـ مـپـمـبـوـغـ لـانـکـیـ اـکـنـ  
قصـہـنـ کـفـدـ وـکـیـلـ "ورـتـ اـخـدـ"  
سفرـتـ بـرـایـکـوـتـ:  
کـیرـ ۲۱ سـتـاـهـوـنـ دـبـلـاـکـعـ مـکـ  
سـایـ فـونـ بـرـایـدـرـ دـانـ بـرـفـنـدـهـ  
کـاـولـوـ کـلـعـ (سـکـارـغـ سـبـوـاهـ مـقـیـمـ  
کـیرـ ۲۱ دـلـافـنـ باـتـوـ درـیـ کـوـاـلـاـ  
لمـفـورـ) دـسانـ سـایـ منـچـارـیـ

سام داولو کلخ دامفع دان دکوالا  
لمفور یأيت سيف سکالي دغۇن  
تمفة لاري ماسىيغ ۲ منوره  
كلعکافن فرغ زمان ايت دان  
اورغ ۲ نكري اىتفون دودق  
برسيف ۲ سهاج ددالم كدى دان  
فدت مفهه ماسىيغ . ۲ .

### اورغ فوتىه ماسوق

فدت سوات هارى فدماس ساي  
دودق دکوالا لمفور ساي ليھە  
دوا اورغ فوتىه دغۇن لبە كورغ  
50 اورغ سفاهىن اورغ ۲ هيتم،  
رمبۇة كرىتىيغ كات اورغ بېسا  
كلكتا تله داتىغ كکوالا لمفور.  
مرىك منوجو دان ماسوق كدالم  
كوبو يې كامي سيفكىن ايت یأيت  
دكمونچق بوكىيە محكىمە فوليس  
سکارغ. مرىك ماسوق بكتىو  
سهاج امقام لبە فولۇغ كسارغ.  
سايفون حيران دان ساي شك  
هاتى بارغكالى اد اورغ بىلۋە  
ماس ايت. سېنىڭ فول اد اورغ  
بركات بېسا چىنا بىلۋە.

كران چاكف ۲ ايت برلاكى دغۇن  
بهاس مندھيلىيغ يې ساي تىاد  
مغرىتى برسام سکالى. اف يې  
ساي تاھو اىالە داجق اورغ  
بکرج ماماڭر اولو کلخ یأيت  
دفاڭر دغۇن كایبو بولە سرت  
بکرج برسام ۲ دغۇن اورغۇرامى  
مندىرىيكن بىتىيغ. بكتىو جوڭ  
كونىڭ اورغ ۲ دامفع دان دکوالا  
لمفور.

ادفون كفلا ۲ برسيف ايت يې  
ساي ايغە اىالە راج اصل، راج  
بىلە، راج عثمان، راج ايرا،  
سماريفون، سيدى راج، راج  
برنۇغ دان سوتىن فواس.

ادفون اورغ ۲ يۇمنجادي  
فعلىماڭ سموان اورغ مندھيلىيغ  
يأيت امام فرغ راج بروغۇن، امام  
فرغ سري هندالىن، فعلىما راج،  
فعلىما مودا سکارا، امام فرغ  
سبىداد، فعلىما مودا دان امام  
فرغ مالىيم.

تأبراف لام مك كوبو ۲ دان  
بىتىيغ ۲ اىتفون سيفلە لبە كورغ

برکادوه دغۇن سفاهىي  
 فەد سوات هارىي دوا اورۇغ  
 سفاهىي اورۇغ فوتىه يەبعهارو داتۇغ  
 كىرالا سەمىيەتكۈو ايت تله تورن  
 درى بوكىيە كوبۇ ايت. بىر جالن ۲  
 انتە بىكىمان دامېلىش دغۇن كرس  
 سەھاج ايم اورۇغ ۲ كىدى يەغ  
 بىركوروغ دباوه فەشكىن ايت  
 دلارىكىن افالانىي اورۇغ ۲ ملايو  
 فون مەعچىر دغۇن كرييس دان  
 تو مېق تىنافىي تىياد دافە كران مرىيەك  
 دافە لارى كىدالىم كوبۇ. ايتولە  
 اصل مولالا ۲ برکادوه دالىم فەن  
 كوالا لمفور دان كوبۇ ايتىفون  
 دلغۇڭر اولە اورۇغ ملايو دالىم  
 ماس بىرلاون ايت فرىيوق افيي  
 فون دلفسكىن دىرى كوبۇ ايت  
 مېسىكىن رومە ۲ ترباکىر. فرغ ايت  
 بىركالىن كىرالا ۲ انم بولۇن لەمان.  
 سنجات اورۇغ ملايو كرييس،  
 تو مېق، فەدۇغ دان سنافع ئاكىي  
 كىيف دان دەھىنل دغۇن سابۇۋە  
 منكلا سنجات سفاهىي دكوبۇ  
 ايت سنافع دان فرىيوق افيي. باپق

كادان كوالا لمفور ماس  
 ايت ماسىيە هوتن ملىنەكىن دوا  
 لوروغ سېكىيەمان سېوتىن  
 يەتىر دھولو ايت. چىنا اد  
 سدىكىيە ۲ بىرتىنق بابىي دفو دو  
 رود سكاروغ دان اد سبواه سوغىي  
 كچىل لالو دتۇغ ۲ جالن يەبعر نام  
 فوج ابىسۇ سكاروغ. كتوأن چىنا  
 ماس ايت كفتەن كلىدىق (نمائى  
 اسى) بىلا اى ماتىي دكتىي دغۇن  
 كفتەن يەف اه لويي كفتەن اين اد  
 مەمفۇپايى سبواه فاجق جودىي  
 دەتمەفە يەبعر نام "اولىد مەركىيە  
 سكوير" سكاروغ تىنافىي تىياد  
 بىرچۈكىي اف. ۲.

وارث ۲ اتو اورۇغبىسىر ۲  
 سلاڭۇر ماس ايت يەغ ساي اىيە  
 تىك اورۇغ. (1) توء اونىكۇ كىلغ  
 تەمفتەن دكوالا فأوھ (تىئىچە با تو ۴  
 فتالىيۇ سكاروغ) (2) داتوء مەنترىي  
 تەمفتەن دباتو دان (3) انچىي ۴ مانە  
 تىيەڭلەن دتۇغ چىنا. عادە وارث ۲  
 نكىرى اين مەممىيەل اف ۲ بارغ  
 دكىدى چىنا تىياد فايە دېلى.

انتارا اورغ برفرغ ایت فد  
 سوات مالم اد سئورغ منعکابو  
 برنام راج لایغ دغۇن امفە اورغ  
 سفاهى هيتم کاونىڭ معندىف ۲  
 ماسوق کوبۇ سوتىن فواس  
 مقصودىن هندق ماماکو لوپۇغ  
 مرىم سوتىن فواس تنافي اورغ ۲  
 دكوبۇ ایت چوکىف برجانى دان  
 كلىم ۲ اورغ اين دافە دىڭىف.  
 افالانىيى مرىك فون دىقساددالىم  
 کوبۇ ایت ھەنگ سەمفي دېچىلى  
 اد كىر ۲ دواهارى لىماڭ. كەمدىن  
 مرىك دباوا كىتفى سوغىي كلغ  
 (تىتۇغ امفۇغ رۇد سكارغ) سەمفي  
 دىسيتو لالو دبۇنە لفس سئورغ -  
 سئورغ دان قۇپۇدە سكالىي تىبا  
 فول كېلىران راج لایغ. تنافي انتە  
 بىكىمان سەمتارا اورغ هندق  
 مەمبۈك اىكە تاڭىن دەختىياد  
 دىڭىك ۲ راج لایغ دغۇن  
 سكۈپۈغ ۲ دافە ترجون كەدالىم  
 سوغىي ايفون مېلەم ھېلىغ غائىب  
 درى فەندىغان مات تأ دافە  
 دىڭىف لانىيى. كەمدىن دكتەھوي

كدوا ۲ فيھقىن ماتىي تنافي کوبۇ  
 ایت تأ دافە دالھەكىن.  
 مك اورغ ۲ ملايو فون  
 براختىيار متا بىتىو. سورتفون  
 دكىرىيم سفوچق كەد سوتىن  
 بىشكەولو اورغ راوا تېغكىل  
 دتنجوغ مالىيم دان سفوچق  
 دكىرىيم كەد اغكۇ سوتىن اورغ  
 راوا جوا تېغكىل دسمپىيە. سورە ۲  
 ایت دباوا اورغ دغۇن جالن كاكىي  
 سەھاج كەد كدوا ۲ تەفتىن.  
 تأ براف لام دېلاڭ فرمىتائىن ۲  
 ایت دترىما بايك دان بىتسوان ۲  
 فون تىبا يائىت 100 اورغ درى  
 تىنچوجۇغ مالىيم دان كىر ۲۱  
 اورغ فول درى سەمپىيە دكفلائى  
 اوولە انق اغكۇ سوتىن نماڭ راج  
 امىن چوکىف دغۇن الله سنجات  
 دان ھلبالۇغ ماسىيغ ۲. افييل  
 بىتسوان ۲ اين سەمفي مك موافقة  
 فون دادكىن دان کوبۇ بوكىيە  
 مەحکىمە تەمەنە اورغ فوتىيە ايتىون  
 دكىفعۇ دان بىر فرغلە كدوا ۲  
 فيھقىن اد لېھ كورغ سبۇلن لىماڭ.

روفان اور غفوتيه ايت تياد تاهر  
لالو لاري تغه مالم تنافي اورغُ  
چينا توروه لاري فول.

فديا کيسوقكن هارين را  
محمود دغۇن راکىش منوره كىس  
اورغُ ۲ يغلارى ايت كيرا  
فوکول ۱۲ تۇھارى ايفون باليد

ممباوا كدوا ۲۱ اور غفوتيه ايد  
دغۇن انم اورغُ هيتم سفاهىن  
اور غفوتيه دغۇن سفاهى ۲ ايد  
دفنجارا دالىم كوبو اد كير ۲۱ امى  
هارى لماڭ اخىر ۲ اورغُ هيتم  
ايت دبونه تنافي دوا اور غفوتو  
ايت دفليهارا دجاديكن توک  
مرىم.

افبيل راج محمود بن تىكى  
فعلىما راج داتۇڭ كوكولا لمف  
كران ممبرى فرتولۇن ايت، ايد  
مسان ساي مولا ۲۱ كىل كىدا  
راج محمود ايت فد ماس ايد  
